1. MUNAJAT

Imam Ali bin Musa ar-Ridha *'Alaihissalam berdoa*:

اَللَّهُمَّ أَنْتَ ثِقَتِي فِي كُلِّ كَرْبٍ ، وَ أَنْتَ رَجَائِي فِي كُلِّ شِدَّةٍ ، وَ أَنْتَ لِي فِي كلِّ اَمرٍ نَزَلَ بِي ثِقَةٌ وَ عُدَّةٌ ، كَمْ مِنْ كَرْبٍ يَضْعُفُ عَنْهُ الفُؤَادُ ، و تَقِلُّ فِيْهِ الحِيْلَةُ... و يَخْذُلُ فِيْهِ البَعِيْدُ وَالْقَرِيْبُ وَالصِّدِيْقُ ، و يَشْمُتُ فِيْهِ العَدُوُّ ، اَنْزَلْتُهُ بِكَ ، و شَكَوتُهُ اِلَيْكَ ، رَاغِباً اِلَيْكَ فِيْهِ عَمَّنْ سِوَاكَ ، فَفَرَّجْتَهُ وَ كَشَفْتَهُ وَ كَفَيْتَنِيْهِ ، فَأَنْتَ وَلِيُّ كُلِّ نِعْمَةٍ وَ صَاحِبِ كُلِّ حَاجَةٍ ، و مُنْتَهَي كُلِّ رَغْبَةٍ ، فَلَكَ الْحَمْدُ كَثِيْراً...

'Ya Allah! Engkau adalah harapanku dalam setiap kesusahanku, dan Engkau adalah tempat bergantungku dalam setiap kesulitanku, dan Engkau adalah tempat bagiku berlindung dan persiapanku dalam setiap perkara yang datang kepada ku.
Betapa banyak daripada penderitaan yang menjadikan jiwa-jiwa lemah kerananya dan berkurangnya daya usaha padanya .... dan menjadi hina padanya bagi yang jauh, yang dekat dan teman, dan musuh mencela kerananya.
Sekarang aku datang kepada Mu, dan mengadu pada Mu, dan cinta hanya pada Mu dan bukan selain Mu padanya. (di mana) Engkau telah meluaskannya, menyingkap penderitaannya dan mencukup-kannya bagiku.
Maka sesungguhnya Engkau adalah penghulu bagi setiap nikmatku, dan pemilik setiap hajatku dan kesudahan setiap kehendakku.
Maka hanya bagi Mu segala puji-pujian'.[1]

Doa-doa di dalam ajaran-ajaran Para Imam Maksum *Alaihimussalam* memiliki budaya yang sangat berharga dan bernilai, yang padanya terdapat perkara yang paling asas dalam masalah-masalah tauhid, munajat di pangkuan Allah Ta'ala, berkenaan hari pembalasan, hari kiamat atau kesudahan kerja manusia, ukuran-ukuran kehidupan dunia ini, metod-metod tarbiah dan akhlak, dan cara-cara kehidupan masyarakat dan ekonomi serta keperluan-keperluan lain individu dan masyarakat, dan dengan bahasa doa juga, telah

1. Sahifah ar-Radawiyyah al-Jami'ah/30

mengajarkan semua manusia jalan menuju ke atas, kesempurnaan rohani dan kehidupan material dan dunia ini dengan baik.

Mengkaji kitab-kitab doa seperti "*Sahifah al-'Alawiyyah*", "*Sahifah Sajjadiah*", "*Sahifah Radhawiyah* " dan sebagainya akan dapat menjelaskan lagi dengan baik keluasan perkara ini.

Ketika berdoa dan bermunajat kepada Allah Ta'ala terdapat satu keadaan dan suasana yang amat sesuai dalam mewujudkan kesan dan perubahan -pada diri seseorang-, kerana manusia pada saat-saat itu, memiliki situasi keseorangan dan terputus daripada yang lain, dan akan bertambah kecenderungannya ke arah spiritual dan insaniah; dengan terwujudnya ruang dan medan ini, nilai-nilai dan asas-asas murni yang ada di dalam doa-doa, akan dapat menembusi ke dalam qalbu dan emosi dan juga pemikiran seseorang insan dan ianya akan terus mengakari ke dalam qalbu individu tersebut.

Kesemua doa-doa Imam Abul Hasan Ali bin Musa ar-Ridha '*Alaihissalam* telah dikumpulkan di dalam sebuah kitab yang bernama "*Sahifah ar-Radhawiyah al-Jami'ah*". Khutbah Imam '*Alaihissalam* tentang ke-Esa-an Allah Ta'ala yang telah diucapkan di dalam majlis Ma'mun al-Abassi mengandungi noktak-noktah ketauhidan dan teologi yang sangat mendalam yang mana ianya memerlukan kepada penjelasan-penjelasan teliti dan ilmiah .

Berdasarkan kesesuaian risalah ini, (kami) hanya memuatkan ibarat-ibarat yang terdapat daripada satu doa Imam *'Alaihissalam* sahaja.

2 MEMUJI RASULULLAH S.A.W.

Imam Ridha *'Alaihissalam* menukilkan daripada ayahandanya *'Alaihissalam*, daripada Imam Hasan al-Mujtaba *'Alaihissalam*:

... كَانَ مُتوَاصِلَ الأَحْزَانِ ، دَائِمَ الفِكْرَةِ ، لَيستْ لَه رَاحَةٌ ، وَلاَ يَتَكَلَّمُ فِى غَيْرِ حَاجَةٍ ...

يَتكَلَّمُ بِجَوَامِعِ الْكَلِمَ ، فَصْلاً لاَ فُضُولَ فِيْهِ وَلاَ تَقْصِيْر...

فَإِذَا تُعوطِىَ الْحَقَّ لَمْ يَعْرِفْهُ أَحَدٌ ، وَ لَمْ يَقُمْ لِغَضَبِهِ شَىْءٌ حَتَّي يَنْتَصِرَ لَهُ ...

يُعْطِىَ كُلَّ جُلَسَائِهِ نَصِيْبُهُ حَتَّي لاَ يَحْسِبُ أَحَدٌ مِنْ جُلَسَائِهِ أَنَّ أَحَداً أَكْرَمَ عَلَيْهِ مِنْهُ.

مَن سَأَلَهُ حَاجَةً لَمْ يَرْجِعْ اِلاَّ بِهَا اَوْ بِمَيْسُورٍ مِنَ الْقَوْلِ ، قَدْ وَسَعَ النَّاسُ مِنْهُ خُلْقَهُ

، وَ صَارَ لَهُمْ أَباً رَحِيْماً ، وَ صَارُوا عِنْدَهُ فِي الحَقِّ سَوَاءٍ ...

"*Rasulullah s.a.w. sentiasa dalam keadaan berduka dan berfikir, dan tidak ada kerehatan baginya, dan Baginda s.a.w. tidak berbicara kecuali ketika diperlukan.. ucapan Baginda s.a.w. menyeluruh dan terperinci, tidak melebihi batasan dan berkurangan.. ketika Baginda s.a.w. mahu menegakkan kebenaran, selagi kebenaran tidak mendapat kemenangan, seorangpun tidak akan mengenalinya (kerana ketegasannya) dan tidak ada satupun yang dapat meredakan kemarahannya.. Baginda s.a.w. akan menunaikan hak setiap mereka yang duduk bersamanya, sehingga tidak seorangpun yang duduk bersamanya dapat merasakan bahawa Baginda s.a.w. memuliakan orang tersebut (orang lain) ke atas dirinya.. Barangsiapa yang memohon hajat kepada Baginda s.a.w., sama ada dia akan memberikannya kepadanya atau memohon maaf dengan bahasa yang lemah-lembut. Semua manusia telah mendapat manfaat daripada kelembutan akhlak Rasulullah s.a.w. dan Baginda s.a.w. menjadi seorang bapa yang penyayang bagi mereka. Semua mereka memiliki hak yang sama di sisi Rasulullah s.a.w.*".

Setinggi-tinggi puji-pujian untuk diri Rasulullah s.a.w. selepas al-Quran memujinya, hadis-hadis para Imam Maksum '*Alaihimussalam* juga turut merakamkan pujian ke atas Baginda s.a.w. Para pemimpin kita banyak berbicara tentang masalah ini, dan mengenalkan sudut-sudut keperibadian Rasulullah s.a.w. dengan ungkapan-ungkapan yang berbagai-bagai.

Imam Ali '*Alaihissalam* telah melakarkan wajah Ilahi Rasulullah s.a.w. di dalam banyak khutbahnya dalam Nahjul Balaghah dan begitu juga Imam Ridha '*Alaihissalam* dalam hadis yang panjang turut menjelaskan hakikat Insaniah Rasulullah s.a.w., di mana ianya akan dinyatakan di dalam penjelasan-penjelasan di bawah ini.

3. PERCAYA ALLAH DAN KESAMARATAAN ANTARA MANUSIA

Imam Ridha *'Alaihissalam*:

عبداللّه بن صَلت... كنتُ مع الرضا (ع) فى سفرِهِ الى خراسانِ، فدعا يوماً بمائِدةٍ له، فَجَمَع عليها مَواليه من السُّودانِ و غَيرِهم. فقلتُ: جُعلتُ فداك لو عَزَلتَ لِهولاءِ مائدةً؟. فقال: «مَه انَّ الرَّبَّ- تبارك و تعالى - واحد، والأمَّ واحِدةٌ، والأبَ واحدٌ، و الجَزاءَ بالأعمال».

"*Abdullah bin Sallat... saya bersama Imam Ridha 'Alaihissalam di dalam perjalanannya ke Khurasan. Pada suatu hari Hadrat 'Alaihissalam telah menjemput sahabat-sahabatnya supaya bersamanya dalam berjuadah. Maka berkumpullah sahabat-sahabatnya daripada Sudan dan lainnya. Saya berkata: jiwaku tebusanmu, alangkah lebih baik jika makanan mereka dipisahkan di tempat lain?. Imam berkata: Diam! Sesungguhnya Allah Ta'ala satu, dan ibu satu, dan bapa juga satu (tidak ada satupun perbezaannya), dan ganjaran seseorang bergantung dengan amalan-amalannya*".

Kesaksamaan dan persaudaraan antara manusia, adalah harapan bagi semua manusia yang cintakan yang lain, orang-orang yang mahukan kebaikan dan bagi mereka yang berusaha dalam memikirkan jalan penyelesaian daripada penderitaan-penderitaan manusia, dan meyakini bahawa ia adalah langkah para Anbia' *'Alaihimussalam* dan para pemimpin Ilahi. Dasar ini, jika ada dalam semua pemikiran manusia, pasti mereka akan mendapatkan kedudukan mereka yang sebenar. Dan ia juga akan menyembuhkan penyakit-penyakit masyarakat, sifat-sifat perkauman, memiliki dan tidak memiliki, penindasan-penindasan, perbalahan, masyarakat-masyarakat maju dan mundur, dunia pertama, kedua, ketiga dan sebagainya.

Ketidaksamarataan akan menutupi jalan. Manusia dengan kepercayaan kepada Allah Ta'ala akan dapat merasakan bahawa mereka hidup di dalam satu keluarga, dan semua manusia dalam apa jua warna kulit sekalipun, kaum atau di mana pun mereka berada akan bersaudara dan memiliki hak samarata, sebagaimana yang telah diriwayatkan dalam hikmah Radhawiyah ini.

Di dalam ajaran-ajaran Islam banyak ungkapan yang berbunyi: "Keluarga Tuhan" yang berkaitan dengan semua manusia dan mengajar manusia tentang kesamarataan di antara mereka. Rasulullah s.a.w. bersabda:

«الخَلقُ كلُّهم عِيالُ اللّه. فأحَبُّهم الى اللّه – عزّوجلّ – اَنفَعُهم لِعيالِه...».

"*Semua makhluk ciptaan adalah keluarga Allah. Maka orang-orang yang paling dicintai oleh Allah Ta'ala adalah mereka yang pemurah dan dermawan untuk keluarganya*".

Di dalam pemikiran agama-agama Ilahi, ibu semua manusia adalah seorang wanita dan bapa bagi semua manusia juga adalah seorang insan dan Tuhan serta Pencipta semua manusia adalah satu, iaitu Allah Ta'ala.

Kepercayaan-kepercayaan dan pegangan-pegangan inilah yang menghukum kesatuan dan kesamarataan kebanyakkan daripada dasar-dasar dan asas-asas perhubungan antara manusia di atas muka bumi, dan mewujudkan ketetapan-ketetapan yang besar dan kesatuan di kalangan manusia, di mana ia

juga turut akan menghilangkan penyakit (dalaman) setiap individu dan penyakit setiap masyarakat dan membakar dasar ketidaksamarataan; baik di dalam ekonomi, masyarakat, budaya, politik dan sebagainya. Pada hakikatnya, satu keluarga terbentuk daripada semua anak-anak Adam *'Alaihissalam.*

Kemungkinan pada kemuncak terakhir ucapan Imam Ridha *'Alaihissalam* ini boleh menunjukkan kepada noktah ini, iaitu bahawa setiap bentuk kelebihan dan kemuliaan yang ada pada sesetengah individu atau tanah air tidak akan menyebabkan kelebihan dan kemuliaan di dunia ini; ini kerana, keutamaan-keutamaan ini tidak akan menyebabkan kepada sifat perkauman dan perbezaan dalam kehidupan ini, sehingga seperti "taqwa" dan "nilai-nilai rohani", faktor kelebihan-kelebihan akhirat dan untuk dunia yang lain.

Dalam kehidupan setiap orang dan setiap bangsa ini, di mana jua asas dan kedudukan mereka berada, tidak ada sedikit pun perbezaannya dengan bangsa-bangsa dan indivu-individu yang lain yang lebih rendah daripada mereka, dan tidak ada satupun perbezaan diantara satu sama lain.

Kami merenung dalam ucapan Imam *'Alaihissalam*, di mana dia menafikan setiap kehendak yang melebihkan diri sendiri dan berusaha melebihkan diri serta menekankan kepada kesamarataan manusia secara mutlak yang mana semua ini dinisbatkan kepada aqidah Tauhid. Dengan ungkapan: "مه انَّ الربَّ واحد" Diamlah! Tuhan semua hanya satu. Iaitu jika beriman kepada Tuhan yang satu, dan semua manusia adalah hamba dan mahkluk-Nya, dan Dia yang memiliki sifat keadilan yang mutlak, sifat kasih-sayang yang tak terbatas dan mengasihi hamba-Nya tanpa batasan, (maka) Dia melihat kepada semua makhluk ciptaan-Nya dengan pandangan yang sama-rata, dan sama-sekali tidak ada perbezaan dan kelebihan, dan diantara kelebihan-kelebihan kerohanian, tidak akan menjadi penyebab kepada perkauman dan kelebihan (diri daripada yang lain).

Kini, renungilah kepada Negara-negara dan manusia-manusia yang meyakini bahawa diri-diri mereka adalah pengikut Hadrat al-Masih *'Alaihissalam* dan menyakini Tuhan, (tetapi) bagaimana mereka boleh mewujudkan satu penindasan di dunia abad ini, dan mendakwa manusia-manusia serta masyarakat-masyarakat lain tidak memiliki sebarang nilai, dan mereka melakukan penindasan, dan mementingkan diri sendiri dalam setiap urusannya. Mereka melaksanakan sistem penindasan dan pentingkan diri sendiri, dan dalam masalah ilmu dan teknologi, mereka juga membenarkan kronisme. Cara-cara sebegini tidak sesuai dengan iman kepada Tuhan dan mengikuti para Anbia' Ilahi. Yang pelik sekali adalah sikap pemimpin-pemimpin Ilahi (Pendita) mereka yang bersikap diam terhadap semua yang tidak bertamdun ini, bahkan membenarkan perkara tersebut terjadi?!.

4 RASIONALISME

Imam Ridha (Alaihissalam):

صَديقُ كلِّ امرِءٍ عَقلُه، و عَدُوُّه جَهلُه.

'Sahabat setiap orang adalah akalnya dan musuh mereka adalah kejahilannya.'

Akal sebenar, adalah satu cahaya di dalam undang-undang kewujudan insaniah, di mana ia mengenalkan manusia kepada Allah Ta'ala, dan mengalihkan seluruh perhatian manusia ke arah-Nya dan menjauhkan selain daripada-Nya.

Sebahagian daripada ajaran-ajaran Islam, akal dikira sebagai nabi batin. Imam Sadiq '*Alaihissalam* berkata: hujjah Allah ke atas setiap hamba adalah nabi, dan hujjah batin yang ada diantara hamba dan Tuhan adalah akal.

Di bawah payung hikmah *Radhawiyah*, semulia-mulia perkara dan setinggi-tinggi permata dalam wujud manusia adalah akal dan pemikiran. Dengan semua keagungan dan keajaiban setiap zarah yang ada pada kewujudan manusia, Allah Ta'ala tetap berbangga ke atas akal yang telah Dia kurniakan kepada manusia, dan bagi-Nya ia adalah semulia-mulia permata yang telah dikurniakan kepada manusia.

Memanfaatkan permata yang tiada bandingan ini dengan pengertian bahawa pada setiap tindakkan dan amalan, dan untuk setiap pergerakan individu mahupun masyarakat, dalam setiap ruang dan pekerjaan, pertama sekali akal haruslah didahulukan, dan berusaha mengenal dan menilai (setiap sesuatu), dan menyelidik bentuk-bentuk sesuatu perkara, dan juga merenung dengan teliti peluang-peluang dan faktor-faktor serta natijah-natijahnya; supaya dapat melaksanakan kerja-kerja yang telah dibuat perhitungan dan perbandingan, dan menghindar daripada kerja-kerja yang tidak rasional dan tanpa ada perhitungan sebelumnya.

Naluri-naluri dalam kehidupan manusia berpunca daripada kehidupan haiwaniah, dan akal berperanan memacu naluri-naluri dan kecenderungan-kecenderungan seorang insan, dan juga menahan naluri-naluri dan kehendak-kehendak daripada kehancuran dan keruntuhan. Akal seorang insanlah yang berkata supaya memanfaatkan setiap naluri dan kehendak secara betul dan mengikut acuannya. Maka dengan itu, akan menjadi jelas dan terang dalam kewujudan insan bahawa siapakah kawan dan siapa pula lawan.

Hawa-nafsu insaniah dan naluri-naluri haiwaniah tanpa kawalan dan acuan, penyebab terjadinya punca kejatuhan (kewujudan) material dan spiritual, dan akal serta anugerah-anugerah pemikiran, setiap kali ianya dimanfaatkan pada jalan yang sihat dan betul di dalam kehidupan manusia, pada

hakikatnya ia adalah kawan yang sejati.

Asas perbezaan utama insan adalah akal dan pemahaman insan serta setiap pekerjaan yang dilakukannya. Dengan semua pekerjaan ini, dia mampu menggegarkan sejarah, dan membina masyarakat, dan dapat membentuk kehidupan yang berpandukan matlamat-matlamat yang tinggi, dan dapat menguasai ke atas naluri-naluri individu dan masyarakat, dan mampu mengubah posisi-posisi dan keadaan-keadaan ke arah yang lebih baik dan lebih sesuai dan bertepatan dengan hikmah.

Di dalam ucapan Amirul Mukminin Ali b. Abi Thalib *'Alaihissalam* bahawa kehilangan akal dikira sebagai kehilangan asas kehidupan.

5. PAKSI ILMU

Imam Ridha *'Alaihissalam* meriwayatkan daripada Nabi s.a.w.:

{ العِلمُ امامُ العمل }.

"*Ilmu adalah imam (pemimpin) bagi setiap amal".*

Tidak dapat diragui lagi bahawa sebelum melakukan setiap langkah dan tindakan, ilmu dan pengetahuan adalah perkara yang harus ada, dan tanpa pengenalan ini seperti kapal terbang yang terbang di waktu malam yang gelap gelita.

Pekerjaan dan tindakan manusia dapat dibahagikan kepada dua bentuk:

1. Pekerjaan yang berpaksikan ilmu pengetahuan yang dikerjakan selepas mengenali dan membuat penilaian-penilaian yang perlu dan menyeluruh.
2. Pekerjaan-pekerjaan yang membuta tuli, dan pergerakkan-pergerakkan beremosi dengan tanpa ada penilaian dan kajian.

Jelas sekali bahawa setiap pekerjaan yang dikerjakan dengan ilmu pengetahuan dan membuat kajian yang sepatutnya terlebih dahulu akan sampai kepada matlamatnya dan akan membuahkan hasil-hasil yang sewajarnya. (dalam pengertian lain) setiap pekerjaan yang berpaksikan pengetahuan dan pengenalan, adalah satu pekerjaan yang kukuh dan berfaedah, dan juga memiliki ukuran-ukuran yang sepatutnya, sedangkan setiap pekerjaan yang tidak didahulukan dengan kajian dan penyelidikan yang sepatutnya, tidak akan memiliki hasil yang betul dan tidak akan menyampaikan manusia kepada matlamatnya. Oleh itu, setiap pekerjaan yang benar dan bernilai adalah pekerjaan yang telah dibuat penilaian dalam semua aspek, syarat dan posisinya terlebih dahulu dan juga meneliti aspek teknikal dan ilmiahnya.

6 MENGENAL DIRI

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

"Sebaik-baik akal adalah manusia mengenal dirinya sendiri".

Peringkat akal manusia yang paling tinggi adalah manusia mengenal dirinya sendiri. Mengenal diri, adalah asas dan paksi mengenal Allah Ta'ala, sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam ucapan Rasulullah s.a.w. bahawa:

"Barangsiapa yang mengenal dirinya sesungguhnya dia telah mengenal Tuhannya".

Ini bererti bahawa hakikat sebenar dan jiwa manusia adalah satu jauhar (permata) yang ada disebalik material, dan mengenal secara saintifik dan argumentasi, samada melihat dan menyentuhnya, membuktikan hakikat ini yang ada disebalik material dan menjadi tanda yang besar bagi orang yang menyakini keberadaan Tuhan.

Selain itu, dengan mengenali dan menilai kemampuan serta kekuatan diri, akan dapat hidup dengan betul dan rasional dalam keluarga dan masyarakat, dan juga dapat melangkah dalam arena pentas yang berbagai ragam kehidupan yang terancang, dan akan mampu sampai kepada pekerjaan-pekerjaan dan jalinan-hubungan, serta dapat hadir pada setiap kondisi yang dia mampu memberikan peranannya atau memiliki satu risalah.

Begitu juga, jika mengenal diri terjadi dalam bentuk satu spesis –*nau'i*- akan menyebabkan kepada pengenalan kepada semua jenis manusia dalam masyarakat.[2] Ini kerana, apabila pengenalan terjadi dalam bentuk satu spesis, setiap pengenalan yang kita hasilkan untuk mengenal diri sendiri, kita juga akan mampu mengenali spesis manusia-manusia yang lain dan ciri-ciri mereka.

Terdapat juga aspek keempat yang perlu ada dalam mengenal diri sendiri, dan ia adalah mengenal kemampuan-kemampuan dan noktah-noktah kekuatan, serta ketidakmampuan-ketidakmampuan dan noktah-noktah kelemahan diri sendiri. Pengenalan dan penilaian ini, adalah asas membina diri, dan menyuburkan noktah-noktah yang ada kekuatan serta menghindarkan noktah-noktah yang lemah dan tidak berkemampuan.

Syarat pertama untuk mengenal diri dan membersihkan serta menyempurnakannya, adalah mengenalinya, dan selama mana manusia tidak mengenali nilai-nilai murni kewujudan jiwa-raganya (*nafs*) dan anugerah-anugerah yang tinggi serta kemampuan-kemampuan dalamannya, selama itulah dia tidak akan berusaha dan aktif bergerak dalam mendidik dan mengukuhkannya, dan tidak akan bersusah-payah untuk memanfaatkannya. Ini kerana, usaha

2. Kerana hakikat seorang manusia tidak ada perbezaan dengan manusia yang lain dan dengan mengenal hakikat seorang manusia pada hakikatnya telah mengenal hakikat manusia itu sendiri.

seseorang untuk mencapai sesuatu perkara bergantung kepada sejauh-mana pengenalannya tentang perkara tersebut dan nilai-nilai murninya.

Betapa banyak anugerah-anugerah, kudrat-kudrat dan kemampuan-kemampuan yang ada tetapi tidak mampu diperolehi dan tidak dapat sebarang keuntungan daripadanya, dengan erti kata lain, kerana tidak mengenalinya maka tidak akan dapat memperolehinya, di mana ia terbiar di sana-sini tanpa dikenali dan perlahan-lahan ia luput dimakan usia.

7. MENGENAL MASA

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata: berkata Abu Ja'far (Imam Muhammad al-Baqir *'Alaihissalam*), terdapat hikmah dalam keluarga Daud:

> "*Sewajarnya setiap Muslim memiliki dirinya sendiri, mempedulikan keadaan dirinya (menjaga diri dan melaksanakan tanggungjawab-nya dengan baik), dan berpengetahuan mengikut era zamannya (iaitu memiliki ilmu semasa dan memahami zamannya)".*

Dalam ucapan Imam *'Alaihissalam* ini, terkandung tiga bentuk kehidupan:

1. Memiliki diri sendiri (tidak dikuasai oleh hawa nafsu) dan mengawal kehendak naluri dan kemahuan. Perkara ini adalah merupakan asas utama setiap tarbiah dan akhlak insaniah.
2. Komitmen terhadap diri sendiri. Yang mana ia merupakan jalan membina jati diri, dan peluang yang sesuai untuk mengembangkan kemampuan-kemampuan diri individu, dan perkembangan potensi-potensi seseorang insan.
3. Mengenal zaman atau masa. Ini membolehkan mengenal diri-diri manusia, peredaran serta perubahan masa, persiapan menghadapi kemungkinan-kemungkinan tertentu yang akan terjadi, mengenal tabiat dan kehidupan (semasa) dan membentuk jiwa kepimpinan yang rasional mereka.

Masa adalah pakaian yang sesuai untuk perkembangan dan kesempurnaan seseorang insan, dan pencipta ciri-ciri genetik dan bangsa, dan penyebab kepada perbezaan antara manusia-manusia yang telah lalu, sekarang dan akan datang. Oleh itu, untuk mengenal manusia, dan mengenal perubahan sesuatu budaya, ekonomi, politik dan sebagainya, mengetahui atau menyingkap ciri-ciri setiap era dan masa adalah sesuatu yang wajib dan pasti.

Orang-ramai harus mengenal ruang atau acuan kewujudan, masa dan geografi dirinya sendiri, supaya mereka dapat memahaminya dengan lebih mendalam dan dengan mudah dapat hidup bersamanya dan juga boleh mengukuhkan lagi asas hubungan dengannya

8. HUBUNGAN-HUBUNGAN MASYARAKAT BERDASARKAN ILMU PENGETAHUAN.

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

العلمُ اَجمَع لاَهلِه منَ الاباء

"*Ilmu (Pengetahuan), lebih dapat menjaga dan mengumpulkan kepemilikannya dibanding bapa-bapa".*

Jalinan hubungan antara manusia di dalam sebuah komuniti masyarakat yang kecil; iaitu dalam sesebuah keluarga, dan sebuah komuniti masyarakat yang besar; iaitu dalam sesebuah bandar dan negara, harus terjadi seiring dengan mengenal diri-diri manusia, nilai-nilai murni dan kemuliaan diri seseorang insan, mengenal hak-hak asasi mereka dan mengetahui tanggungjawab atau taklif ketika berhadapan dengan mereka.

Setiap kali, sesuatu aliran yang lain dan hubungan masyarakat, terjadi seiring dengan pengenalan-pengenalan ini, maka akan terbentuklah kesefahaman antara satu individu dengan yang lain dan jalinan hubungan masyarakat yang peka dan sedar turut menjadi nyata. Selain itu, akan turut melahirkan hubungan-hubungan masyarakat yang kukuh dan yang tidak dapat dihancurkan. Masyarakat akan terserlah dan muncul serta menyatu dalam satu badan walaupun di dalamnya terdapat berbagai-bagai perbezaan individu, ciri-ciri atau sifat-sifat yang ada pada diri seseorang, dan ia seperti tembok keluli yang kukuh berdiri yang tidak tumbang ketika berhadapan dengan bencana dan sebagainya.

Kesatuan pengetahuan orang ramai, pergerakkan-pergerakkan yang bersama dan sejajar, kesempurnaan pada masyarakat dan orang ramai dan yang ada semuanya hanyalah berada di bawah payung pengenalan dan ilmu pengetahuan sahaja. Ilmu, pengetahuan, kepekaan dan makrifatlah yang dapat menjadikan orang-ramai dapat hidup secara bersama dan boleh menyampaikan mereka kepada matlamat yang lebih tinggi.

Dalam sebuah komuniti masyarakat yang kecil dalam sebuah keluarga, jika padanya terdapat pengetahuan tentang dasar-dasar dan hubungan dua hala, maka setiap daripada suami atau isteri akan dapat memahami dengan

baik hak-hak pasangan masing-masing dan akibatnya, keluarga tersebut akan terus kekal dan terselamat daripada keruntuhan dan perpecahan.

9. TANGGUNGJAWAB-TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT

Imam Ridha 'Alaihissalam berkata:

> *"Allah Ta'ala mewajibkan ke atas orang-orang yang sihat (mampu) untuk melaksanakan tanggungjawab menguruskan hal ehwal orang -orang yang terlantar sakit dan ditimpa musibah ".*

Dasar mengenal tanggungjawab dan menerima tanggungjawab yang merupakan ajaran utama semua agama langit adalah sangat ditekankan di dalam Islam dan ajaran-ajaran Radhawiyah, khususnya dalam masalah ekonomi, menghapus penindasan terhadap orang-orang yang terhalang haknya dan membantu janda-janda dan orang-orang miskin.

Ucapan Imam Ridha *'Alaihissalam* disertai dengan huruf "*ta'kid*" (sesungguhnya) mengandungi uslub atau metod "*Qati'*" (berkeyakinan) dan kukuh. Hikmah Radhawiyah ini, dari sudut global dan kecakupannya lebih luas daripada ucapan Rasulullah s.a.w. sendiri yang banyak diketahui oleh semua mazhab dalam Islam di mana Rasulullah s.a.w. bersanda:

كلُّكُم راعٍ و كُلّكُم مَسئولُ عن رَعيَّتِهِ .

> "*Setiap daripada kamu adalah pengembala dan setiap kamu akan ditanya tentang gembalaanya".*

Mengenal tanggungjawab ini adalah merupakan satu tanggungjawab Ilahi yang tidak mengenal batasannya dan ia hanya dibataskan dengan batasan ini sahaja:

1. Berkenaan yang menolong dan membantu. Batasannya adalah perkara tersebut boleh terjadi (*mumkin*) dan memiliki kudrat. Iaitu selagi mana seseorang memiliki kudrat dan kemampuan, maka wajib baginya untuk membantu orang lain.
2. Berkenaan orang yang lemah dan tidak memiliki kemampuan. Batasan wujud yang lemah dan yang tidak memiliki kemampuan, iaitu selama mana masalah itu ada, tanggungjawab juga ada, sehinggalah di sana individu yang lemah tadi dapat sampai kepada masyarakat dan kehidupan yang dapat diterima akal dalam masyarakat.

10. ALIRAN PERUNDANGAN DAN MENERIMA KETERBATASAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

"اذا فَعَل الناسُ هذهِ الاشياء (المِنهيات)، و ارتكَبَ كلُّ انسانٍ ما يَشتَهى و يَهواه، من غيرِ مُراقَبةٍ لأحدٍ، كان فى ذلك فسادُ الخلقِ اَجمعينَ... ".

"*Ketika manusia melakukan perbuatan yang terlarang dan setiap manusia melakukan perbuatan mengikut hawa nafsunya, tanpa ada seorangpun yang mahu menjaga batasannya, (pada saat itu) semua makhluk ciptaan akan mendapat keburukan dan kerosakkan".*

Manusia dalam setiap amalan; baik individu mahupun dalam satu komuniti, haruslah menerima dasar dan nilai-nilai tertentu, dan mempasrahkan diri kepada kebenaran dan hak-hak asasi, supaya diri tidak binasa dan hancur dan masyarakat juga tidak berkucar-kacir dan musnah.

Dalam pentas kehidupan semulajadi setiap individu, kebanyakkan daripada pekerjaan, tindakan, kemahuan, kecenderungan, pendapatan, perbelanjaan, penggunaan dan sebagainya, jika tidak memiliki batasan-batasan yang tertentu, akibat daripada tindakan yang melebihi batasan dan melampau (*ifrat*) ini, akan menyebabkan kesihatan diri hilang dan akan mengheret kesudahan setiap pekerjaan setiap manusia kepada kehancuran dan kemusnahan.

Dalam pentas masyarakat dan hubungan antara sesuatu kelompok, keperluan kepada asas mengenal batasan akan menjadi lebih jelas dan terang. Ini kerana, manusia di dalam masyarakat sentiasa berhadapan dengan garisan-garisan merah yang banyak, di mana mereka harus menjaga kehormatannya, dan menerima garisan merah ini dengan seluruh kewujudannya. Batasan-batasan yang paling utama dan yang paling tinggi adalah hak-hak asasi orang-orang lain, di mana hak-hak asasi ini harus mengatasi ke atas hak-hak asasi individu dan keinginan serta kecenderungan individu, dan juga mencegah seseorang daripada melakukan setiap perbuatan mengikut kemahuannya yang membuta tuli, walaupun dengan lidah orang-orang lain (boneka mereka), atau menginjak-injak hak-hak asasi manusia-manusia lain.

Oleh itu, semua kebebasan terbatas kepada kebebasan dan hak-hak asasi yang ada dalam masyarakat. Peranan sesebuah pemerintahan dan keharusan mendirikan sesebuah kerajaan adalah berpunca daripada perkara-perkara ini; iaitu menghalang daripada terjadi sesuatu pencerobohan dan penindasan serta mengawal tindak-tanduk setiap individu yang membuta tuli, dan juga memadam sebahagian daripada individu-invidu yang tidak bertanggunjawab serta mempertahankan hak-hak asasi manusia dan masyarakat.

Maka itu, di dalam hikmah Radhawiyah ini, manusia harus akur dan pas-

rah dengan ketetapan-ketapan batasan aktiviti-aktiviti ekonomi, politik, budaya, kekeluargaan dan sehingga kepada tindak-tanduk seseorang individu, dan menjauhkan diri daripada sifat tidak peduli dan rakus pada keinginan diri sendiri, supaya masyarakat dapat berdiri dengan baik dan hak-hak serta kebebasan-kebebasan yang sepatutnya dijaga juga terpelihara.

11. SIKAP SEORANG MANUSIA DENGAN SEMUA MANUSIA

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

{رأسُ العقلِ بعدَ الايمانِ باللّه، التَودُّدُ الى الناس، و اصطناعُ الخيرِ الى كلِّ بَرٍّ و فاجرٍ}

"*Kemuncak akal selepas beriman dengan Allah Ta'ala adalah mengasihi manusia lain dan melakukan kebaikan, baik kepada orang yang berbuat baik mahupun orang yang berbuat jahat".*

Kelakuan (baik) seorang insan dengan manusia-manusia lain dan semua warganegara adalah agama Radhawiyah. Seseorang harus melakukan kebaikan kepada semua orang, baik orang-orang yang berbuat kebaikan mahupun orang-orang yang berbuat kejahatan, sama ada manusia-manusia yang betul dan mengenal tanggugjawab dan yang tidak bertanggungjawab mahupun yang tidak peduli dan yang tidak memiliki latar belakang yang baik iaitu dengan tindakan-tindakan yang bersifat kemanusiaan.

Manusia dalam hubungan sesebuah komuniti dan dalam masyarakat, harus membuktikan kemanusiaannya dan berkelakuan dengan semua orang dengan sifat insaniah; iaitu ukuran dan neraca setiap perbuatan, jalan dan metot tingkah-laku kemasyarakatan harus berdasarkan sifat insaniahnya seorang insan, bukan bagaimana, perbuatan dan tindakan orang lain. Kerana itu, tidak seharusnya kita menahan tindakan dan perbuatan baik kita terhadap orang lain dengan alasan bahawa mereka adalah orang-orang yang amalannya terpesong dan menyeleweng. Betapa banyak terjadinya tindakan-tindakan yang bersifat insaniah terhadap perbuatan yang tidak bersifat kemanusiaan, dan menarik mereka ke arah dirinya dan menjadikan mereka sedar terhadap kesalahan-kesalahan diri-diri mereka. Sesungguhnya ini boleh menjadi tauladan pendidikan asas insaniah dan penyebaran sifat-sifat kemanusiaan.

Imam Husain *'Alaihissalam* di dalam ucapannya mengumpamakan bahawa perbuatan yang bersifat insaniah dan yang baik adalah bagaikan embun di bunga yang menghujani ke atas semua tanah dan batu-batu,

dan titisannya menyirami ke atas batu, sahara, tanah yang tidak subur dan tanah-tanah yang mati .

Imam Husain *'Alaihissalam* –seorang lelaki berkata di hadapan Imam Husain *'Alaihissalam* :

"انَّ المعروفَ اذا أُسدى الى غير اَهله ضاع. فقال(ع): لَيس كذلك، و لكن تكونُ الصّنيعةُ مثل وابِل المطَر تُصيبُ البرَّ و الفاجِر".

"*Sesungguhnya kebaikan jika dilakukan kepada yang bukan orangnya maka ia akan hilang begitu sahaja (sia-sia). Imam 'Alaihissalam menjawab: bukanlah begitu. Bahkan perbuatan yang bersifat insaniah seperti titisan-titisan hujan yang menimpa ke atas orang yang berbuat kebaikan dan yang berbuat kejahatan".*

12. HAK-HAK SAUDARA

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

"اِعْلم... اَنَّ حقَّ الاخوان واجبٌ فَرضُ... وابذلُوا النفوسَ والاموالَ دُونَهم... و مُؤاساتِهم و مُساواتِهم فى كلّ ما يجوزُ فيه المساواةُ والمؤاساة...".

"Ketahuilah.. Sesungguhnya hak-hak saudara (sahabat) adalah kewajipan yang difardukan…. Dan infaqkanlah jiwa dan harta-benda kamu untuk mereka.. dan perlakukanlah mereka dengan kesaksamaan dan kesamaan pada tempat-tempat yang boleh dilakukan begitu".

Setinggi dan sejauh mana tanggungjawab manusia adalah berhadapan dengan Allah Ta'ala, Rasulullah s.a.w. dan 'para Imam Maksum '*Alaihimussalam,* tanggungjawab berhadapan dengan saudara semanusia dan seiman kita dan pasrah serta akur kepada hak-hak persaudaraan yang mana ia adalah merupakan asas utama akidah kepercayaan yang timbul kepada Allah Ta'ala. Asas persaudaraan dalam Islam juga telah dinyatakan di dalam ayat suci al-Quran:

﴿اِنَّمَا المؤمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ اَخَوَيْكُمْ...﴾

"*Sesungguhnya para Mukminin adalah bersaudara, maka jalinkanlah perdamaian di antara saudara-saudara kamu".*

Dalam hadis Nabawi dan Alawi dan sebagainya juga banyak bersandarkan kepada dasar ini. Imam Sadiq *'Alaihissalam* telah menjelaskan bagaimana me-

wujudkan hubungan persaudaraan sesama manusia di mana ianya berada sebaris dengan hikmah Radhawi.

Imam Sadiq *'Alaihissalam* bersabda:

لا واللّه! لا يكونُ (المؤمنُ) مُومناً اَبَداً حتى يكون لاَخيه مثلُ الجَسَد: اذا ضُرِبَ عليه عِرقُ واحدُ، تَداعَت لَه سائر عُروقِه.

"*Tidak, demi Allah,! Sama sekali seseorang Mukmin itu tidak akan menjadi Mukmin yang sejati sehinggalah saudaranya menjadi seperti jasadnya, yang mana jika salah satu daripada urat sarafnya dipukul, urat-urat sarafnya yang lain juga turut merasa sakitnya".*

Seorang penyair tersohor Iran yang bernama Sa'di, telah mengambil ilham daripada hadis ini dan mendendangkan syairnya yang makruf yang berbunyi:

«بنی آدم اعضای یکدیگرند...»

"Anak-anak Adam adalah anggota satu sama lain ".

13. BERJIMAT-CERMAT DALAM KEHIDUPAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

لا يَستكملُ عبدُ حقيقَةَ الايمان حتى تكونَ فيه خصالُ ثَلاثُ: التَفقُّه فى الدينِ، و حسنُ التقدير فى المعيشَة: والصبرُ على الرزايا.

"*Tidak menjadi sempurna hakikat iman seseorang hamba sehinggalah padanya ada tiga ciri-ciri ini: kepandaian dalam agama, berjimat-cermat dalam kehidupan dan bersabar atas segala bencana dan musibah".*

Kemuncak "bersistem dalam kehidupan", banyak terdapat di dalam ajaran Islam dengan pengertian bahawa berjimat-cermat dalam perbelanjaan dan dalam setiap urusan kehidupan, serta mewujudkan keseimbangan antara keperluan-keperluan dan pendapatan yang dihasilkan. Sebagaimana dalam satu hidangan juadah, dan membeli sehelai pakaian, atau sebuah rumah, atau sebuah kereta dan sebagainya terdapat asas sebuah kehidupan yang bersistem dalam kehidupan dan memiliki ukuran yang tertentu padanya, begitu juga ianya ada pada membina sebuah kilang, atau membuat satu jalan dan segala bentuk pelaburan yang kecil mahupun yang besar. Hikmah Radhawi ini adalah

merupakan penjelasan kepada asas pengiraan yang terperinci dan satu penilaian yang bersifat profesional dalam semua perbelanjaan ekonomi.

Sejelas-jelas dan sepenting-penting perkara tersebut adalah pelaburan-pelaburan sebuah bangsa (yang ada dalam sebuah negara) dan harta baitulmal umat Islam yang mana ianya harus digunakan dan dibelanjakan dengan ber-hati-hati dan ketelitian yang tinggi yang boleh menyebabkan kepada pertum-buhan yang baik. Perkara ini berada di samping dua perkara yang sangat penting dan boleh memberi kesudahan yang berkesan di dalam ucapan Imam Ridha a.s; iaitu "mengenal secara mendalam tentang agama", dan "bersabar menghadapi segala musibah dan ujian".

Peranan utama dua perkara ini dalam kehidupan tidak dapat diragukan lagi, yang mana dengan bentuk ini, lakaran sebuah kehidupan pada berjimat-cermat dalam kehidupan akan menjadi lebih jelas.

14. NILAI SUMBER KEHIDUPAN AIR

Imam Ridha *'Alaihissalam* ketika ditanya berkenaan dengan rasa roti dan air-. Hadrat *'Alaihissalam* menjawab:

طَعمُ الماء طعمُ الحَياةِ، و طعمُ الخُبزِ طعمُ العيش.

"Rasa air adalah rasa kehidupan, dan rasa roti adalah rasa hidup"

Dalam ucapan ini tersirat satu tumpuan yang asasi dan mendalam kepada masalah-masalah hayat insaniah. Berbicara daripada rasa air dan roti yang mana rasa air adalah rasa hayat dan rasa roti dikira sebagai rasa hidup. Ini yang mana rasa air merupakan rasa hayat (kehidupan) dan hayat juga bergantung kepada air adalah perkara yang tidak dapat diragui lagi, kerana air adalah sum-ber utama membentuk kehidupan dan syarat asas yang berterusan padanya. Air adalah unsur yang paling banyak terdapat pada anggota badan semua kewujudan, khususnya pada tumbuh-tumbuhan, berbagai jenis haiwan dan insan.

Rasa roti adalah rasa hidup juga yang tidak dapat dingkari, kerana manu-sia tidak akan dapat hidup tanpa makanan, dan roti yang merupakan satu bahan makanan, dan simbol bagi semua makanan memiliki wajah yang sebe-gini. Pada hari ini, nilai satu kehidupan air-air putih yang baik telah menjadi jelas dan sehinggakan para cendekiawan dalam bidang-bidang ekonomi dan sosial telah berkata bahawa semua bentuk perbalahan dan perselisihan akan terjadi pada kurun 21 tentang masalah kejernihan air-air ini.

Berkenaan dengan sumber-sumber kehidupan ini, perkara penting yang

ada padanya adalah bagaimana cara penggunaan manusia. Jika penggunaan-penggunaan manusia (khususnya di kawasan-kawasan kering dan separuh kering) terjadi secara sepatutnya dan betul, maka ada kemungkinan untuk menjawab setiap keperluan manusia, jika sebaliknya, kemusykilan-kemusykilan akan berhadapan dengan manusia. Begitu juga berkenaan dengan air-air pertanian yang merupakan sumber utama kehidupan, dan seharusnya mereka menggunakan secara betul dan bijak setiap zarah daripada air-air tersebut dan mengamalkan kaedah penyaluran-penyaluran air dengan cara yang berteknologi tinggi dan saintifik (setiap titisan air dan air hujan) dengan menggantikan kaedah-kaedah tradisional dan saluran yang berbentuk peparitan, supaya dengan itu ia dapat memenuhi setiap keperluan.

Hikmat Radhawi ini dengan kaedah yang global dapat menjamin penggunaan air secara rasional dan betul, dan menjadi penyelamat bagi semua manusia, dan juga mengajar kepada manusia bahawa setiap titisan air yang kamu bazirkan pada hakikatnya kamu telah melenyapkan sebahagian daripada satu hayat yang global ini.

Di dalam masyarakat kita (Iran) yang merupakan masyarakat yang beragama, khususnya di kota (Masyhad) kita yang berjiran dengan Imam (Imam Ridha *'Alaihissalam*), dengan memerhatikan kepada asas masalah berjimat-cermat dalam penggunaan air akan menyebabkan kepada keridhaan Pencipta dan makhluk, dan menyebarkan ucapan-ucapan 'para Imam Maksum *'Alaihimussalam* akan dapat memberi kesan yang mendalam pada jalan dan tingkah-laku masyarakat dan juga dapat menyelesaikan masalah kekurangan air.

15. MENGGUNAKAN DANA DENGAN BIJAK

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

...انّ اللّه يُبغِضُ... اضاعة المال...

"Sesungguhnya Allah Ta'ala menjadi murka.... Menggunakan secara sia-sia daripada wang ringgit...".

Menggunakan secara betul dan sewajarnya daripada wang ringgit adalah asas Islam, akal dan ekonomi. Segala bentuk pelaburan yang dilakukan, atau pengeluaran, atau penyebaran (pengagihan) atau penggunaan haruslah mengikut sistem penggunaan yang terperinci dengan mengikut kaedah ekonomi. Perkara ini memerlukan kepada pengiraan, plan asas, pengurusan yang berekonomi, kepakaran dan teknologi. Jika tidak, pelaburan akan menjadi sia-sia

begitu saja, atau pengeluarannya tidak akan sampai kepada yang mencukupi. Jika terjadi dalam penggunaan, ia akan menjadi satu bentuk penggunaan yang berlebihan dan pembaziran. Jika terjadi dalam pengagihan, ia akan menjadi pengagihan yang tidak adil dan menyebabkan kerugian ramai orang, dan ini adalah bentuk atau jenis daripada melenyapkan dan menghancurkan wang ringgit. Ini kerana, wang ringgit dan harta-benda tidak dibelanjakan pada tempat yang sepatutnya, serta bertimbun pada satu bahagian, ia akan menjadi barah kelenjar, berputar dalam tubuh anggota masyarakat. Dan mengakibatkan satu bahagian yang lain menjadi lesu dan ketidakmampuan serta menuju ke arah kehancuran.

Semua ini adalah kesan daripada mensia-siakan wang-ringgit, yang mana jika mereka bukan daripada juru kira yang teliti dan pengurusan yang peka dan bertanggujawab, maka akan berlakulah kerugian yang sangat banyak, dan dana-dana negara akan lesap begitu sahaja.

Untuk penjelasan yang lebih dan menemukan identiti asas paksi ini, kami bawakan satu contoh: bahawa jika untuk mentadbir dan mengatur (sesebuah syarikat) mencukupi atau memadai dengan sepuluh buah kereta sahaja, jika kereta tersebut ada lima belas buah, maka pembaziran wang ringgit akan berlaku di situ, dan jika kereta mencukupi dengan sekian harga untuk melaksanakan semua pekerjaan, dengan membeli kereta mewah dan mahal, akan membazirkan wang ringgit. Kita memiliki contoh-contoh yang banyak berkenaan pembaziran wang ringgit dalam kehidupan individu atau sesuatu kelompok.

Imam agung manusia menyatakan bahawa aktiviti ekonomi seperti ini akan mendapat kemurkaan daripada Allah Ta'ala dan mengingatkan kepada mereka yang memiliki iman yang teguh dan Mukmin yang hakiki supaya tidak melakukan satu pekerjaan yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah ta'ala.

16. KEFAKIRAN MERUPAKAN SATU GEJALA YANG BESAR

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

المسكنةُ مِفتاح البُؤس.

"Kefakiran kunci segala kesengsaraan".

Mengkaji kemusykilan masyarakat dan mencari punca segala gejala akan menjelaskan bahawa kefakiran adalah merupakan asas utama dalam mengenal kesengsaraan masyarakat, hal ini termasuk kesulitan kehidupan individu, keluarga dan masyarakat.

Tidak dapat diragui bahawa manusia dalam kehidupan ini bertempat

dalam satu acuan di mana ianya terbentuk daripada unsur-unsur tabiat semulajadi dan alamiah, dan berhubung kait dengan banyak perkara dan mereka hidup dalam satu ruang di mana mereka memerlukan kepada peralatan-peralatan berbentuk kebendaan dan material. Makanan, pakaian, kediaman, kebersihan, penyakit, menjaga kesihatan dan sebagainya yang mana semua ini ada dalam kehidupan tabiat semulajadi dan alamiah ini dan keperluan yang berterusan dan berkesinambungan dalam kehidupan seorang insan.

Tidak memiliki, atau kekurangan salah satu daripada perkara-perkara ini akan mengakibatkan kepada ketidakmampuan, penyakit, kelemahan dan cepat tua, atau mengheret kepada kematian dan kehancuran. Fenomena yang begini hakikatnya adalah kunci segala musibah dan bebanan pada diri individu dan masyarakat.

Ucapan Imam Ridha *'Alaihissalam* yang lain berkenaan kefakiran berbunyi:

... اذا اَقبلتِ الدُّنيا على انسانٍ اَعطَتْه مَحاسِن غيرِهِ، و اذا اَدبَرتْ عنه سَلَبتْه مَحاسنَ نَفسِه.

"...*Setiap kali dunia (harta dan kekayaan) mengadap manusia, ia (dunia) akan memberikan kebaikan-kebaikan orang lain kepadanya dan setiap kali ia membelakangkannya (dia menjadi fakir), ia akan mengambil kebaikan-kebaikannya pula".*

Kehidupan manusia bergantung kepada keperibadiannya, dan markaz serta paksi utama yang memberi kesan dan membentuk (peribadi) diri setiap orang adalah sahsiah dan keperibadiannya. Oleh itu, menafikan sahsiah atau keperibadian jauh lebih merugikan dibanding menafikan diri seseorang. Dalam ucapan ini, kefakiran dianggap sebagai faktor menafikan sahsiah (seseorang), yang mana insan yang fakir ditimpa musibah tersebut, dan mereka kehilangan noktah positif pada sahsiahnya, atau mereka tidak dapat mengenal dirinya sendiri, kerana mereka merasakan diri mereka terlalu kecil dan hina.

Dalam ajaran Islam, kefakiran dianggap lebih hina daripada membunuh, atau kefakiran adalah kematian yang besar. Mungkin saja dalam hadis-hadis ini menafikan kedua-duanya iaitu menafikan diri seseorang dan sahsiahnya, yang mana kedua-duanya adalah kesan daripada kefakiran.

17. RAHSIA KEWAJIPAN PUASA

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

...و علةُ الصوم، لِعرفانِ مَسِّ الجُوعِ والعَطَش... لِيَعلم شِدَّة مَبلغ ذلك من أهلِ الفقرِ والمِسكَنةَ فى الدنيا والآخرة.

"...Dan punca puasa adalah mengenal rasa kelaparan dan kehausan.. supaya mereka tahu kesusahan tekanan kelaparan dan kehausan para fuqara' dan orang-orang miskin di dunia dan di akhirat ". [3]

Puasa, selain memiliki kesan rohani dan tarbiah, juga memiliki faedah-faedah yang banyak pada individu dan masyarakat, dan penyebab kepada perkembangan sikap peduli dan sifat kasih sayang pada yang lain dan juga menjadi faktor untuk membantu orang-orang yang susah.

Imam dalam ucapan ini sangat menekankan kepada noktah yang berbentuk pendidikan yang berkenaan puasa di mana dengan berpuasa manusia akan mampu untuk memahami bagaimana keadaan orang-orang susah ketika kelaparan dan kehausan dan dapat merasakan tekanan kelaparan dan kefakiran. Hari ini, dengan tulisan-tulisan Roman, ciptaan filem-filem, penyebaran gambar dan poster-poster dan berbagai bentuk media yang lain, mereka berusaha untuk mewujudkan rasa persaudaraan dikalangan masyarakat secara menyeluruh, dan cuba melakarkan di kaca mata masyarakat akan keperitan kehidupan orang-orang susah, dan orang-orang yang berpuasa dalam aspek ini, memiliki peranan utama , dan dengan perkembangan aspek kerohanian manusia, secara tak lansung ia membantu meningkatkan sikap bertanggungjawab mereka.

18. CONTOH PENGGUNAAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

... اِستَأذنتُ الرضا(ع) فى النَّفَقةِ على العيال؟ فقال: بين المكروهين. فقلتُ: جُعِلتُ فداك لا واللّه ما أعرفُ المِكروهَين. فقال له: اَما تعرِف اَنّ اللّه – عزّوجلَّ– كَرِه الاسراف و كَرِه الاقتار فقال: (والّذين اِذا اَنفَقوا لم يُسرِفوا و لم يَقتُروا و كان بين ذلك قواما».

3. Uyun Akhbar ar-Reda a.s. 2/91.

> *"...Saya bertanya kepada Imam Ridha 'Alaihissalam cara bagaimana menafkah keluarga. Imam berkata: (belanja keluarga) berada di tengah antara dua cara yang dibenci. Saya bertanya: jiwaku tebusan untukmu. Demi Allah saya tidak mengetahui dua cara ini?. Berkata: Allah merahmati anda. Adakah anda tidak mengetahui bahawa Allah Ta'ala tidak menyukai pembaziran dan sifat terlalu kedekut, dan (Allah Ta'ala) berfirman: {dan mereka yang apabila berinfak tidak melakukan pembaziran dan juga bakhil dan mereka menginfak diantara dua cara ini}[4]".*[5]

Pada hari ini manusia berada di ambang pembaziran harta benda, dan ditambah para pelabur dan pusat-pusat kekuatan ekonomi dengan menggunakan segala bentuk alatan media, terus sibuk menggalakkan para pengguna menggunakan produk-produk keluaran mereka dan mengawal citarasa, kehendak dan selera manusia.

Gejala penyakit suka membazir ini, telah mewujudkan masyarakat yang berbeza kedudukan dan kefakiran serta kepapaan dari satu sisi, dan melampau dalam pemakanan dan pemilikan dari sisi yang lain. Hadiah jelik yang lain, kekurangan atau kehabisan sumber, kehancuran kehidupan di bumi, pencemaran air, kerosakan hutan belantara dan padang rumput ragut haiwan, dan kehilangan berbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Dan yang paling penting daripada semua ini adalah kehilangan keselamatan jiwa manusia kesan daripada penggunaan yang banyak daripada protin-protin, lemak-lemak, bahan-bahan bergula, daging-daging merah dan berbagai jenis makanan serta dihambat dengan kehadiran keterikatan kehidupan yang berpura-pura dan kelas atasan.

Keseluruhan perkara-perkara ini telah mengakibatkan keselamatan individu dan masyarakat, berkekalan sumber-sumber asli dan keselamatan kehidupan tabiat alam manusia terhumban ke jurang bahaya. Dari itu, perlu membentangkan cara perbelanjaan yang bersifat sederhana (tengah-tengah) dan jauh daripada pembaziran dan membudayakannya dalam sesebuah masyarakat adalah pekerjaan asasi dan utama. Pendidikan-pendidikan agama, dan ajaran-ajaran pemimpin-pemimpin Ilahi ... adalah sebaik-baik jalan penyelesaian.

4. Surah al-Furqan 67/25.
5. Al-Hayat 4/205.

19. MENGAMBIL MANFAAT DARIPADA SEMUA BAHAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

من الفَسادِ قطعُ الدِّرهمِ والدّينار، و طرحُ النوى.

"*Diantara kerosakan adalah memotong-motong (tidak memanfaatkan) duit-duit Dirham dan Dinar (atau matawang lain) dan membuang biji kurma".* [6]

Merosakkan dan mensia-siakan wang ringgit di dalam ajaran Radhawi adalah sangat dikecam, dan di sini ada dua contoh yang boleh diambil:

Menggunakan tanpa cermat terhadap matawang yang digunakan dalam masyarakat.

Melontar atau membuang biji kurma (atau sesuatu yang boleh dimanfaatkan).

Kedua-dua perkara ini adalah masalah penting dalam masyarakat. Matawang yang sedang digunakan adalah sangat berharga, baik samada ianya berupa sehelai kertas atau seketul logam. Dana negara banyak dibelanjakan untuk menghasilkan matawang dan pengedaran kepada masyarakat. Penjagaan dalam memelihara matawang tersebut menjadikan usianya berlipat kali ganda, dan juga dapat menghindarkan daripada membelanjakan dana yang baru. Perkara lain adalah memanfaatkan setiap sesuatu yang boleh dimanfaatkan dan mengembalikan kepada penggunaan dan kehidupan. Ini adalah asas hukum akal yang telah disebutkan di dalam ajaran-ajaran Islam dan juga telah ditekankan di dalam ucapan Imam Ridha *'Alaihissalam*

Dari sudut pandang asas fekah, dan pemahaman hadis-hadis secara umum (biji kurma), bahawa ianya tidak hanya terbatas pada pandangan ini sahaja dan juga tidak membatasi sudut makna umumnya (iaitu menyebut biji kurma hanya sebagai satu contoh daripada banyak contoh-contoh yang lain). (Di tambah) ucapan 'Imam-imam Maksum *'Alaihimussalam* pun telah menjelaskan setiap satu daripada batasan *mafhum* (pemahaman) yang lain.

Imam Sadiq *'Alaihissalam* berkata:

انّ القصد اَمرٌ يُحبّهُ اللّه – عزّوجلّ. و انّ السّرف امرٌ يُبغضهُ اللّه – عزّوجلّ– حتى طَرحكَ النَّواة فانّها تَصلح بشىء، و حتى صَبَّكَ فَضلَ شرابِك:

"*Sesungguhnya bersederhana adalah perkara yang dicintai oleh Allah Ta'ala dan pembaziran adalah perkara yang dibenci oleh Allah Ta'ala, bahkan juga melontar jauh biji kurma (atau buah-buahan dan benda-benda yang lain). Kerana ia baik (berfaedah) untuk se-*

6. Musnad Imam Reda a.s. 2/314.

suatu perkara, walaupun membuang jauh sisa minuman anda". [7]

Dalam ucapan Imam Sadiq *'Alaihissalam* telah dijelaskan penyebab (*ellat*) hukum iaitu: "*Kerana ia baik (berfaedah) untuk sesuatu perkara*", dan setiap tempat apabila adanya penyebab hukum, maka hukum tersebut juga akan ada. Maka itu, setiap benda yang ada manfaatnya untuk sesuatu kerja dan ia juga mudah untuk ditemukan seharusnya ianya dimanfaatkan, dan adalah sangat ditekankan untuk mendapatkan bahan-bahan ini dan jangan membuangnya. Perkara ini telah pun diamalkan oleh negara-negara maju, tetapi negara kita (Iran) masih belum dapat mengamalkannya dengan baik dan masih belum menjadi satu budaya di kalangan masyarakat kita.

Sayang sekali ajaran Islam dan ucapan para pemimpin agama yang telah membicarakan tentang masalah ini tidak sampai ke pendengaran orang ramai dan begitu juga banyak daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam masalah kebudayaan agama tidak mengetahuinya.

20. PENGHASILAN YANG BUKAN SYARIE

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

...وإجتنابُ الكَبائر و هى قتلُ النفسِ الّتى حَرَّم اللّه – تعالى –... و أكلُ الرّبا بعدَ البيِّنَة... والبَخسُ فى المكيالِ والميزان... و الاسرافُ والتَبذير والخِيانَة...

"*Diantara syarat-syarat iman).. menjauhkan daripada dosa-dosa besar iaitu membunuh jiwa (manusia) yang diharamkan oleh Allah Ta'ala, memakan riba' selepas ada penjelasan, dan mengurangkan timbangan dan neraca.. serta pembaziran dan khianat*". [8]

Di dalam ucapan ini, Imam agung manusia berbicara tentang dosa-dosa besar (iaitu dosa-dosa yang balasannya adalah api neraka). Bentuk-bentuk pendapatan yang haram, dan mengumpulkan kekayaan-kekayaan yang haram juga dikira sebagai dosa-dosa besar, dan sebahagian daripada dosa-dosa ekonomi ini dikatakan seperti dosa membunuh manusia.

Kurangkan timbangan, khianat dalam masalah-masalah ekonomi (dalam tiga bentuk: pengeluaran, pengagihan dan penggunaan) dan menjana pendapatan melalui jalan keuntungan matawang, iaitu memakan riba diletakkan sebaris membunuh manusia. Apa perbezaan di mana seseorang menamatkan

7. Al-Kafi 4/52; Wasa'ilul Syiah 15/257.
8. Uyun Akhbar Ar-Reda a.s. 2/121.

kehidupan seorang insan secara keseluruhannya, atau dengan menghisap darahnya dan memotong kehidupan ekonomi yang menyebabkan dia kekurangan darah dan mati secara perlahan-lahan.

Ungkapan "khianat" dalam ucapan Imam *'Alaihissalam* mempunyai makna yang umum dan global yang mana ianya merangkumi semua jenis bentuk penyelewengan di sekitar kekayaan, dan juga menyeliputi semua jenis ekonomi dan pendapatan yang tidak betul yang boleh merugikan orang ramai.

21. KEMULIAAN MANUSIA

Imam Ridha *'Alaihissalam* – Zakaria bin Adam berkata: saya bertanya kepada Imam Ridha *'Alaihissalam* berkenaan seorang lelaki kafir zimmah (orang bukan Islam yang mendiami dalam Negara Islam) yang ditimpa kelaparan dan membawa anaknya dan berkata: anakku ini adalah milik anda. Berilah dia makanan dan dia akan menjadi hamba anda. Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

لا يُبتاعُ حُرٌّ، فانّه يَصلح لكَ ولا من اَهل الذمَّة.

"*Janganlah dijual orang yang dimilikinya dalam keadaan dia seorang yang bebas dan dia sesuai buat anda dan bukan juga daripada kafir zimmah".* [9]

Kedudukan ucapan Imam menunjukkan kepada ketinggian kemuliaan manusia dan nilai-nilai murni seorang insan. Imam turut menafikan nilai-nilai harta. Imam Ridha *'Alaihissalam* tidak mengizinkan untuk menjadikan seorang anak yang bebas (bukan hamba) menjadi hamba walaupun dia seorang kafir zimmah dengan menukarkannya kepada sesuatu yang bersifat kebendaan, dan dengan alasan kelaparan dan kemiskinan boleh menjadikan kemuliaan dan kedudukan seorang insan boleh diinjak-injak.

Mengikut pandangan Imam *'Alaihissalam*, manusia itu bebas dan keperluan mereka kepada sumber ekonomi dan kehidupan tidak boleh menjadikan mereka seorang hamba dan menghilangkan kebebasan yang Allah Ta'ala telah kurniakan kepada mereka, walaupun mereka bukan orang Islam, renung-renungkanlah pandangan ini berkenaan kaum kafir dan ahli zimmah[10].

Perlu diperhatikan bahawa tindakan yang begini yang datangnya daripada orang-orang yang hidup di bawah sistem pemerintahan satu empayar

9. Tahzib7/77; al-Istibstar 3/83; Musnad al-Imam Reda a.s. 2/304.
10. Mi'yar hoye E'tesodi Dar Ta'alim Razawia.s. / 432.

yang besar yang tiada tolak tandingannya terhadap seseorang individu yang mempunyai kepercayaan yang bertentangan dengan akidah-akidah masyarakat mereka dan perkara ini amat pelik sekali. Dasar dan asas insaniah (inilah) menjelaskan di dalam pemikiran Islam yang mana ianya satu keadaan yang tidak mungkin dapat ditemukan di semua dunia barat.

Kami bawakan juga ucapan Imam Ali *'Alaihissalam* supaya perbahasan ini menjadi lebih terang dan jelas lagi. Seorang lelaki pengemis tua yang buta matanya datang bertemu Imam Ali *'Alaihissalam.* Hadrat a.s bertanya: siapa orang ini? Para sahabat menjawab: wahai *AmirulMukminin*, dia adalah seorang kristian!. Berkata *'Alaihissalam*: kamu lakukan dia sehingga dia menjadi seperti ini, apabila dia sudah berusia dan lemah kamu tidak membantunya. Keluarkan perbelanjaan untuk dia daripada duit Baitulmal (Muslimin)[11].

Islam melihat manusia dengan pandangan yang sebegini dan dalam memenuhi keperluan-keperluannya, ia tidak melihat kepada agamanya, kepercayaannya atau pemikirannya dan ianya bukanlah satu ukuran, bahkan ukurannya adalah insaniah dan kemuliaannya.

22. HAK-HAK ASASI MANUSIA

Yasir al-Khadim berkata: sepucuk surat dari kota Nisyabur telah ditulis kepada Makmun (al-Abbasi) bahawa seorang lelaki yang beragama Majusi telah berwasiat ketika wafatnya supaya segala hartanya yang banyak dapat diagih-agihkan kepada para fakir dan orang-orang miskin. Maka qadi (hakim) di kota Nisyaburi telah mengagih-agihkannya di kalangan para fakir orang-orang Islam. Lantas Makmun bertanya kepada Imam Ridha *'Alaihissalam* : wahai penghuluku! Apa pandangan kamu dalam masalah ini?. Hadrat *'Alaihissalam* menjawab: sesungguhnya orang Majusi tidak bersedekah kepada para fakir di kalangan orang-orang Islam. Oleh itu, tulislah sepucuk surat kepadanya supaya dia mengeluarkan semula dana mengikut kadar yang dia telah berikan kepada kaum Muslimin dan kemudian agih-agihkannya kepada para fakir di kalangan kaum Majusi.

Rayyan bin Syabib berkata: … saya bertanya kepada Imam Ridha *'Alaihissalam* bahawa saudara perempuan saya telah berwasiat dengan satu wasiat untuk kaum kristian (supaya saya menyerahkan duitnya kepada mereka), dan tetapi saya mahu mengagihkan wang-wang tersebut kepada kaum seagama dengan saya di kalangan umat Islam. Imam *'Alaihissalam* berkata:

11. Wasa'il As-Syiah 11/49; Al-Hayat 2/485.

اِمضِ الوصيّةَ على ما اَوصَت به. قال اللّه – تبارك و تعالى: ﴿فانّما اِثمُه على الّذين يُبَدِّلونَه...﴾.

"*Tunaikanlah wasiat itu sebagaimana yang dia telah wasiatkan. Sesungguhnya Allah Ta'ala telah berfirman:* {*dosanya itu ke atas orang-orang yang merubahnya (wasiat)*}[12]". [13]

Kedua-dua hikmat ini tersingkap padanya keajaiban hikmat Radhawi *'Alaihissalam* dan suatu hal yang tidak dapat digambarkan tentang menghormati hak-hak manusia. Pada pandangan Imam Ridha *'Alaihissalam,* manusia berhak untuk berfikir dan membuat pilihan, dan bertindak mengikut lingkaran pemikiran dan mazhabnya serta melaksanakannya. Kebebasan ini dan hak-hak asasi mereka tetap memiliki kehormatan tersendiri walaupun selepas kematiannya, dan perlu mengamalkan mengikut pemikiran dan amalannya, sekalipun ianya tidak sesuai dengan pemikiran dan amalan kita, dan kita juga tidak sepatutnya mengabaikan hak-hak mereka dengan alasan mereka bukan orang Islam.

Perlu diperhatikan bahawa batasan ketinggian dalam mempertahankan hak-hak asasi manusia ini apabila Imam *'Alaihissalam*, demi untuk membalas kesilapan qadi di kota Nisayburi, telah memerintahkan supaya diambil duit daripada baitulmal umat Islam dan kemudian diagih-agihkan di kalangan orang -orang yang seagama dengannya iaitu Majusi.

Pada hakikatnya, dokongan asas seperti ini berkenaan hak-hak asasi manusia tanpa mengira akidah dan agamanya adalah satu yang sangat bernilai dan tiada bandingannya dan (secara tak lansung) dapat mengambarkan sifat insaniah yang tak boleh disifati yang mana ianya tidak mungkin dapat ditemui di dunia barat walaupun hanya satu.

23. DI SAMPING ORANG-ORANG YANG BERBAKTI

Yasir al-Khadim berkata: (pada hari Imam Ridha *'Alaihissalam* diracun oleh tangan-tangan zalim kerajaan Abbasi dan menyebabkan Imam *'Alaihissalam* syahid), selepas Hadrat *'Alaihissalam* selesai menunaikan solat Zohor, beliau berkata kepada saya:

"Wahai Yasir! Adakah orang-orang (penghuni rumah, pekerja dan yang berkhidmat) sudah makan?''.

Saya berkata: "wahai penghuluku! Siapa yang sanggup makan sedangkan kamu

12. Surah al-Baqarah: 2/181.
13. Mustanad al-Imam ar-Reda a.s.: 2/410, Usul Kafi: 17/7.

dalam keadaan begini (menderita kerana racun). Pada saat itu, Imam *'Alaihissalam* membetulkan kedudukannya,
kemudian berkata *'Alaihissalam*: "Bawa hidangan sekarang ".
Imam *'Alaihissalam* memanggil semua orang untuk makan bersama dan tidak seorangpun yang tertinggal. Seorang demi seorang dibelai oleh Imam *'Alaihissalam* dengan kasih sayangnya. Apabila mereka semua sudah makan, Imam *'Alaihissalam* terus jatuh pengsan"[14].

Imam yang agung, walaupun pada saat-saat akhir beliau hendak menghembuskan nafas terakhirnya kerana bias racun kian menghancurkan dirinya, masih lagi memikirkan tentang manusia dan tetap dalam pemikirannya berkenaan orang-orang yang berbakti.

24. FAKTOR-FAKTOR CENDERUNG MENGUMPUL KEKAYAAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

لا يَجتمعُ المالُ الاّ بِخصالٍ خَمسٍ: بِبُخلٍ شديد، و اَملٍ طويل، و حِرصٍ غالِبٍ، و قطيعة الرَّحِم، و ايثارِ الدنيا على الآخرة.

"*Wang ringgit tidak terkumpul kecuali dengan lima ciri: dengan kebakhilan yang melampau, angan-angan yang panjang, ketamakkan yang melampaui, memutuskan tali persaudaraan dan cinta dunia yang mengatasi akhirat".* [15]

Fenomena jelik berkenaan para pelabur atau dengan ungkapan al-Quran dipanggil "*takastur*"[16] dan, pertama fenomena roh (jiwa) yang timbul daripada sifat kebiasaan, perangai dan cara berfikir dan akhlak batin dan dalaman manusia. Maka itu, untuk mengenal hakikat fenomena ini, sekalipun dalam bentuk satu objek daripada objek-objek ekonomi dan satu masalah daripada masalah-masalah sosial, haruslah terlebih dahulu meninjau ke dalam jiwa dan batin manusia dan mengkaji faktor-faktor dan punca-punca dalaman perkara tersebut…[17]

Perkara yang sebegini adalah ukuran asas perbezaan antara pemikiran Islam dan aliran-aliran pemikiran yang lain yang mana faktor utama dalam semua masalah ialah tidak lalai terhadap diri manusia, dan ke atas kecenderungan-kecenderungan dan pilihan-pilihan.

14. 'Uyun Akhbar ar-Reda a.s.: 2/241.
15. 'Uyun Akhbar Ar-Reda a.s. 1/276; al-Khisal 1/283.
16. Perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak pinak, pangkat dan pengaruh).
17. Mi'yar hoye E'tesodi Dar Ta'alim Razawia.s. / 385.

Dalam menyelidik mekanisme perkembangan yang teratur dan meningkat kekayaan, timbul satu fenomena "*takastur*", dan muncul pelabur-pelabur yang besar, kita bertembung berbagai bentuk perangai dan sikap yang merupakan faktor-faktor utama kepada perbuatan berlumba-lumba tamak untuk merebut dengan sebanyak-banyaknya harta kekayaan dan *takastur.* Alat-alat pengeluar produk, tanah, air dan sumber-sumber lain yang terhasil daripada kekayaan, apabila jatuh di tangan manusia-manusia tamak dan penyembah wang ringgit, ianya akan bertukar menjadi alat memungut keuntungan, penindasan dan terbentuk tingkatan-tingkatan ekonomi yang sangat jurang.

Perangai dan sikap-sikap yang telah disebutkan di dalam hikmah Radhawiyah ini adalah penyebab dan faktor utama perbuatan berlumba-lumba mengumpul harta benda, menginjak-injak dasar-dasar aliran insaniah, akhlak dan keadilan. Setiap satu daripada watak-watak ini merupakan penghalang bagi manusia untuk sampai kepada setiap kesempurnaan rohani dan perkembangan akhlak serta nilai-nilai murni yang tinggi insaniah dan *qurb* Ilahi. Dan inilah sifat dan perangai syaitani serta penyembah kebendaan yang menjadi medan utama sifat tidak bertanggungjawab dan tidak berperasaan pemilik kekayaan terhadap orang-orang yang tertindas dan orang-orang fakir, dan meletakkan asas-asas keadilan dalam masyarakat di bawah tapak kaki.

Tanpa diragui lagi bahawa perbuatan berlumba-lumba untuk mendapatkan sebanyak-banyak kekayaan yang tercela ini memiliki motif-motif syaitani adalah merupakan pendapatan-pendapatan yang dihasilkan melalui jalan kezaliman, keuntungan, pemonopolian, penekanan harga barangan (jual mahal), menghasilkan produk yang tidak berkualiti, perampasan, riba dan sebagainya, padahal mereka-meraka ini bukan mengeluarkan kekayaan, pelaburan-pelaburan yang membina dan menghasilkan pendapatan-pendapatan halal, yang mana perniagaan dan aktiviti-aktiviti perekonomian ini sangat bernilai di sisi Imam dan islamik. Daripada kesemua ajaran-ajaran Radhawiyah berkenaan harta-benda dan sistem kewangan di atas telah menjelaskan bahawa wang ringgit adalah faktor berdiri dan kukuhnya sesebuah masyarakat, maka itu perlulah berusaha dalam mengembangkan dan memeliharanya, dan perlu mengeluarkan dan bermuamalah dengannya mengikut jalan-jalan syarak dan boleh memberi keuntungan kepada masyarakat.

Insyallah perkara ini akan dijelaskan lagi di dalam ucapan-ucapan Imam Ridha *'Alaihissalam* yang lain.

25. RASIONALISME DAN MENERIMA TARBIAH

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

لا يَتِمُّ عقلُ امرِءٍ مُسلم حتّى تكونَ فيه عَشرُ خِصالٍ: الخيرُ منه مأمولُ، و الشرُّ منه مأمونُ، يَستكثِرُ قَليلَ الخَيرِ مِن غَيره، و يَستَقِلُّ كَثيرَ الخَيرِ مِن نَفسِه...

"*Akal seseorang Muslim tidak akan menjadi sempurna melainkan padanya ada sepuluh ciri: ada harapan kebaikan daripadanya, orang ramai selamat daripada kejahatannya, mengira banyak terhadap kebaikan sedikit yang dilakukan oleh selain dirinya, dan mengira sedikit kebaikan banyak yang dilakukannya... ".*[18]

Perkara utama yang menjadi jelas daripada hikmat Ilahi Radhawiyah ini bahawa akal adalah faktor dan medan asas yang boleh menerima tarbiah dan ketinggian moral. Akhlak-akhlak yang baik boleh membuahkan tingkah-laku dan akal seorang manusia dan menyampaikannya kepada kesempurnaan, dan setiap satunya akan dapat memberi kesan pada yang lain. Maka itu, jelas sekali bahawa watak dan ciri-ciri seorang insan serta sistem akal adalah merupakan medan pertumbuhan dan kesempurnaan akal seseorang insan, dan akal di samping jiwa-jiwa yang bermoral dan berakhlak dan juga budi pekerti yang baik mampu berkembang dan mencapai kesempurnaan. Di samping itu jiwa-jiwa yang tidak bermoral, perangai dan ciri-ciri haiwani serta syaitani boleh mengurangkan akal dan memudarkan pelita pemikiran dan secara perlahan-lahan ianya akan terpadam.

Perkara kedua yang ada di dalam ucapan yang tinggi Imam *'Alaihissalam* ini adalah membayangkan kurang atau sedikit kebaikan-kebaikan dan pengabdian-pengabdian diri sendiri, dan mengira banyak kebaikan yang sedikit orang-orang lain (terhadap dirinya). Supaya dengan itu dapat membantu (mengurangkan) asas sifat bangga diri dengan mengira kecil kerja-kerja yang besar diri kita, sehinggalah dapat meningkatkan sifat kasih sayang kepada yang lain dan meningkatkan kedudukan orang-orang lain dengan mengira besar perbuatan baik sedikit mereka.

Perkara ketiga iaitu selamat daripada sifat bongkak, utamakan diri sendiri, dan melihat orang lain dengan pandangan positif dan mulia. Perkara ini, khususnya pada peringkat ini, dapat membentuk pandangan seseorang kepada manusia yang lain dengan pandangan yang memiliki kedudukan dan kemuliaan yang mana tidak ada satu faktor pun yang mampu untuk mengurangkan kedudukan seseorang di sisi manusia (yang lain), atau menjadikan

18. Tahufful al-Uqul / 326.

kebaikan-kebaikan orang-orang lain tidak penting dan kurang menyerlah. Hakikat hikmah ini menyerlahkan kedudukan manusia di sisi pandangan manusia yang lain dengan penglihatan yang sangat tinggi dan mulia.

Perkara keempat, tidak mempedulikan kekurangan-kekurangan akhlak atau tingkah-laku orang lain, dan membuat analisa yang rasional berkenaan dengan mereka. Jika ukuran-ukuran yang begini muncul dalam fenomena hubungan kemasyarakatan maka segala kemungkinan boleh terjadinya perpecahan dan mengecilkan orang-orang lain akan terhapus dan tindakan menjadi baik dan bersifat insaniah terhadap individu dan lapisan masyarakat yang tidak bermoral, iaitu yang bersesuaian dengan tindakan yang bersifat insaniah.

Perkara kelima iaitu tawaduk dan merendah diri di hadapan orang-orang yang berbuat kebaikan dan manusia-manusia dengan sifat kemanusiaan yang mana ianya merupakan satu pelajaran yang sangat hidup, dan jalan ini cenderung kepada kebaikan dan mendapatkan ciri-ciri kebaikan mereka. Ini adalah manusia-manusia yang cintakan kebaikan dan pencari fitrah-fitrah agung manusia, yang tunduk dan merendah diri di hadapan keinsanan dan nilai -nilai murni, dan menaruh tinggi perkara-perkara tersebut, dan berusaha untuk merealisasikan dalam diri mereka.

26. BATASAN TANGGUNGJAWAB SEBUAH NEGARA

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata (kepada Makmun al-Abbasi):

...اتَّقِ اللّه فى أُمَّةِ محَمّدٍ(ص) و ما وَلاّكَ اللّه من هذا الامرِ و خَصّك به، فانّك قد ضَيَّعتَ امورَ المسلمينَ، و فوَّضتَ ذلك الى غيرِكَ يَحكُم فيهم بغيرِ حُكمِ اللّه، و قَعدتَ فى هذه البلادِ و تركتَ بَيتَ الهِجرةِ و مَهبِطَ الوَحيِ، و انّ المهاجرينَ والانصارَ يُظلَمون دونَك، و لا يَرقُبُونَ فى مُومنٍ الاّ ولا ذِمَّةً، و يأتى عَلى المظلومِ دَهرُ يُتعبُ فيه نَفسَه و يَعجِز عن نَفَقتِه، و لا يَجدُ مَن يَشكُوا اليه حالَه، ولا يَصلُ اليك. فاتّقِ اللّه... فى أُمور المسلمينَ... اَما عَلِمتَ... اَنّ والىَ المسلمينَ مثلُ العُمودِ فى وَسطِ الفُسطاطِ مَن اَرادَه أخَذَه...

"...Takutlah kepada Allah ta'ala berkenaan umat Muhammad s.a.w. dan wilayah kekuasaan yang Allah telah kurniakan kepada anda ke atas mereka. Kerana sesungguhnya anda telah menyempitkan (menindas) hal-ehwal umat Islam, dan menyerahkan kuasa kepada orang-orang yang menghukum kepada selain daripada hukum-hukum Allah Ta'ala, dan menetap di Negara ini serta meninggalkan rumah Hijrah dan tempat turun wahyu (Mekah)? Kaum Muhajirin

dan Ansar dizalimi dengan sebab ketiadaan anda dan mereka sama sekali tidak mempedulikan sumpah janji seorang Mukmin pun, dan liku-liku kehidupan orang yang tertindas semakin menyukarkan dan ia tidak memiliki belanja untuk menampung kehidupannya dan juga tidak menemukan seorang pun yang boleh diadukan keperitan-keperitannya dan jua tidak mampu untuk bertemu dengan mu. Takutlah kepada Allah!.. Dalam hal ehwal Umat Islam.. ketahuilah … bahawa sesungguhnya pemimpin kaum Muslimin seperti tiang di tengah-tengah khemah yang mana siapa sahaja yang memerlukannya dia akan sampai kepadanya…".[19]

Kisahnya begini dinukilkan bahawa pada suatu hari Makmun datang bertemu Imam Ridha *'Alaihissalam*, dan bersamanya terdapat sepucuk surat yang besar. Dia duduk di samping Imam *'Alaihissalam* dan membacakan surat tersebut di hadapannya. Dalam surat itu, termaktub laporan kemenangan tentera Islam ke atas beberapa wilayah di Kabul. Apabila surat habis dibaca, Imam *'Alaihissalam* berkata kepada Makmun: adakah pembukaan ke atas wilayah-wilayah syirik dan kafir mengembirakan anda? Makmun menjawab: apakah ia bukan khabar yang mengembirakan dan menyenangkan?. Kemudian Imam *'Alaihissalam* mengucapkan ucapan di atas dan berkata kepada Makmun: "anda harus menegakkan keadilan dalam Negara Islam dan menamatkan gejala kefakiran dan orang-orang yang terhalang haknya dan mencari jalan keluar untuk umat Islam daripada segala bentuk keperitan yang mana semua ini adalah merupakan kebahagiaan bagi seorang pemerintah Umat Islam, bukannya meluaskan negara dan bukan juga melebarkan empayar geografi Negara Islam, tanpa ada roh Islam dan hakikat agama (di dalamnya) yang mana keadilan dapat dilaksanakan. Terlaksananya keinginan, keutamaan Islam dan al-Quran adalah penyebab kepada kegembiraan dengan menghapuskan gejala kefakiran dan kemiskinan, serta menentang kezaliman dan kronisme, bukan meluaskan empayar kawasan dan geografi".[20]

Oleh itu, ajaran asas Imam *'Alaihissalam* dan perintah kepada kebaikan yang dilakukan ke atas pemerintah ketika itu berada dalam acuan tanggungjawab sesebuah kerajaan, dan syarat utama dan asas adalah membentuk masyarakat yang bersandarkan keadilan yang sebenar, bukan sekadar slogan sahaja dan timbulnya masalah-masalah yang menekan ke atas orang ramai yang terus meningkat dari hari ke hari.

19. Uyun Akhbar Ar-Reda a.s. 2/160; Musnad al-Imam Reda a.s. 1/85.
20. Sejarah berulang semula; apabila kami memikirkan bahawa pemerintah-pemerintah yang bersifat diktaktor dan berkuku besi sentiasa membicarakan masalah keadilan dan penindasan, supaya setiap kali apabila mereka menindas masyarakat maka tidak akan ada orang lain yang akan mempersoalkannya atau bangkit menentangnya.

Di era kehidupan Imam Ridha *'Alaihissalam* para penzalim Bani Abbasiah berkeliaran dalam masyarakat Islam dan orang ramai juga memiliki pengetahuan yang banyak. Dalam era ini, Imam *'Alaihissalam* agung demi untuk mengembangkan ilmu-ilmu pengetahuan dengan lebih meluas, telah berbicara berkenaan tanggungjawab-tanggungjawab besar Imamah dan pemimpin dalam masyarakat Islam, dan menyebut ciri-ciri dan persyaratannya dalam situasi-situasi tertentu, supaya orang ramai dapat menemukan pemerintah yang sebenar dan mengenal dakwaan-dakwaan palsu daripada kaum pendusta.

Matlamat daripada ucapan ini adalah mahu membongkar segala pemikiran keji Bani Abbasiah dan Makmun yang sering berfikir bagaimana mahu melebarkan wilayah empayar kekuasaan mereka serta melupakan keadilan, kemudahan dan tanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah yang menimpa masyarakat. Satu pemikiran yang memerangkap semua jenis kekuasaan. Oleh yang demikian itu, Imam *'Alaihissalam* mengecam semua pemimpin yang tidak mempedulikan kemudahan dan menjamin keperluan-keperluan mereka, dan dengan slogan keadilan dan Islam mereka telah membunuh dan membakar syarat-syarat kehidupan.

27. MINYAK WANGI DAN BAUAN HARUM

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

... لا يَنبَغى لِلرّجلِ أن يَدَعَ الطّيبَ فى كُلِّ يَومٍ، فان لَم يَقدرِ عَليه فيَومٌ و يَومٌ لا، فان لم يَقدر ففى كلِّ جُمُعةٍ ولا يَدَع ذلك.

"...*Tidak sepatutnya bagi seorang lelaki tidak memakai wagian pada setiap hari, jika dia tidak mampu pada setiap hari, maka gunakanlahnya selang sehari, dan jika itu juga tidak mampu, cukuplah pada setiap hari Jumaat dan jangan meninggalkannya".*[21]

Minyak wangi dan bau wangian untuk manusia di dalam ibadat, di dalam keluarga dan masyarakat adalah merupakan satu tanggungjawab insaniah dan akhlak. Dan Imam *'Alaihissalam* juga sangat menekankannya.

Asas kehidupan manusia dibentuk berasaskan pergaulan dan bermasyarakat, dan bermasyarakat memiliki daya tarikan dan penolakan, iaitu merupakan tarikan dan penolakan material dan spiritual (rohani). Perangai jahat, kerendahan moral, haloba, hasad dengki, tanpa kasih sayang, marah (tak bertempat) dan sebagainya adalah daripada penolakan-penolakan spiritual

21. Al-Kafi 6/510; Uyun Akhbar Ar-Reda a.s. 1/279, 280.

dan rohani serta watak yang boleh menjauhkan orang lain daripada manusia, sebagaimana akhlak yang terpuji seperti memaafkan, berwajah manis, menaruh kasih sayang yang mana ianya merupakan mukadimah tarikan dan kecenderungan orang lain.

Hal-hal yang bersifat material juga tidak terpisah dalam hubungan sesuatu kelompok, dan berkesan pada mewujudkan tarikan dalam pergaulan. Di antara tarikan-tarikan material adalah kebersihan, perapian diri, keharuman, dan menggunakan wangian yang berbagai-bagai. Ini adalah daripada hak-hak masyarakat (terhadap sesuatu individu) yang mana manusia ketika melangkahkan kakinya ke dalam masyarakat, mereka seharusnya memiliki wajah yang kemas dan memakai wangian yang boleh menghidupkan jiwa, dan bukannya bercelaru dan muncul di dalam masyarakat dengan keadaan bau busuk yang kurang menyenangkan.

Tanggungjawab ini juga perlu dipraktikkan di dalam sesebuah keluarga yang merupakan sebuah masyarakat yang kecil, dan ia juga boleh menjadikan kebahagiaan antara suami isteri atau anggota keluarga yang lain, selain hubungan kekeluargaan akan menjadi lebih bermakna dan berseri.

Ketika hadir di masjid-masjid dan tempat-tempat ziarah amat ditekankan supaya ibadah yang dikerjakan mestilah dalam keadaan bersih dan wangi, kerana manusia ketika berada di hadapan Allah Ta'ala keadaan dan wajahnya haruslah berada dalam keadaan yang sebaik-baik dan dirapi dengan seindah mungkin serta memakai pakaian yang bersih dan badan juga dalam keadaan suci dan bersih serta menggunakan wangian.

Perkara lain berkenaan falsafah penggunaan haruman di dalam ibadah di mana para malaikat, kekuatan rohani dan Ilahi akan memberi penumpuan kepada solat dan ibadah manusia, dan menikmati makanan (rohani) melalui bauan yang wangi, dan perkara ini akan lebih memberi kesan tarikan dan perhatian yang lebih mereka, sehingga sebahagian para urafa' mensyaratkan untuk menggunakan sebahagian wangi-wangian ketika mahu membaca zikir-zikir.

Imam Ridha *'Alaihissalam* dalam ucapan yang lain menyifatkan bahawa bauan wangi adalah daripada akhlak para-para Nabi *'Alaihissalam:*

الطيبُ مِن اَخلاقِ الانبياء.

'Bauan wangi adalah daripada akhlak para-para Nabi 'Alaihissalam'[22]

Adapun berkenaan dengan diri Nabi s.a.w. sebagaimana yang telah diriwayatkan bahawa ketika bermusafir hazrat s.a.w. tidak akan meninggalkan tiga perkara; salah satu daripadanya adalah minyak wangi. Imam Ridha *'Alaihissalam* juga menyifatkan Imam Sadiq *'Alaihissalam* dengan sifat ini:

22. Al-Kafi 5/510; Musnad Imam Reda a.s. 2/372; al-Hayat 6/136.

كان يُعرَف مَوضِعُ جعفر(ع) فِي المسجدِ بطيبِ ريحِه و موضِعُ سجودِه.

"*Sesungguhnya tempat duduk Imam Sadiq 'Alaihissalam di masjid dikenali dengan bauan wangi dan begitu juga tempat sujudnya".*[23]

Penekanan dalam memakai minyak wangi pada setiap hari atau selang sehari atau paling kurang pada setiap hari Jumaat adalah perkara yang berhubungkait dengan semua masyarakat, bukan untuk lapisan masyarakat yang tertentu dan golongan berada sahaja. Dalam masyarakat Islam tidak seharusnya terjadi bahawa hanya golongan elit atau berada sahaja yang mampu menggunakan minyak wangi sedangkan masyarakat lain yang ada di sana sini yang banyak memenuhi ruang masjid-masjid terdiri daripada golongan pengotor dan memiliki bau yang busuk. Oleh itu, mengikut pandangan Imam Ridha *'Alaihissalam* kedudukan kehidupan seorang manusia harus berdiri mengikut acuan ini yang mana semua lapisan mereka harus memiliki pendapatan supaya mereka mampu untuk membelanjakan sedikit daripada wang mereka untuk membeli minyak-minyak wanggi.

Benar, peladang, buruh sehingga kepada pelombong yang bekerja di dalam perut bumi dan semua lapisan yang merupakan anggota masyarakat yang beriman, seharusnya mereka dapat menjaga luaran diri mereka dan memanfaatkan daripada bauan yang wangi.

Kebanyakan golongan manusia yang mulia ini, dengan memiliki pendapatan yang kecil yang diterima sekali dalam setahun tidak mampu memakai pakaian yang sesuai, dan mengenakan bau haruman untuk isteri dan keluargannya. Sudah pasti, masyarakat yang sebegini tidak akan mampu menjadi masyarakat (contoh) pengikut Ahlulbait *'Alaihissalam* dan Radhawiyah.

28. KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

اِنّ اللّه – تبارك و تعالى –... يُبغِضُ البُؤسَ والتَّباؤُسَ، و انّ اللّه– عزّوجلّ – يُبغضُ مِن الرجالِ القاذورةَ...

"*Sesungguhnya Allah Ta'ala membenci orang yang tidak memiliki apa-apa dan orang yang menjadikan dirinya tidak memiliki apa-apa, dan sesungguhnya Allah Ta'ala membenci orang-orang yang pengotor... ".* [24]

23. Makarimul Akhlak / 44; al-Hayat 6/137.
24. Fekh ar-Reda a.s. / 354.

Kesihatan dan kebersihan adalah merupakan dua perkara yang sangat penting di sisi pandangan Imam *'Alaihissalam* dan kekotoran serta tidak suci adalah sangat dibenci dan menyebabkan kepada kemurkaan Allah Ta'ala. Kebersihan anggota badan (yang merupakan asas utama segala kebersihan) mendapat penekanan yang sangat tinggi dalam ajaran-ajaran Radhawiyah, iaitu membersihkan tubuh badan dan mandi selang sehari.[25]

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata: "...الحمّامُ يَومٌ و يَومُ لا", iaitu: pergi ke bilik mandi selang sehari.... [26]

Memandangkan kepada kesulitan kehidupan masyarakat yang lampau, kekurangan bekalan sumber air selain tidak memiliki peralatan yang mencukupi untuk mengeluarkan air dari perut bumi, membuat empangan-empangan dan enjin-enjin pengepam adalah menjadi faktor kepada perintah Imam *'Alaihissalam* untuk ke bilik mandi selang sehari. Pada era tersebut, dan kedudukan geografi Semenanjung Arab telah ditekankan kepada masalah menjaga kesihatan dan kebersihan sebagaimana yang telah disebutkan, dan kepentingan perkara itu telah menjelaskan kepada semua lapisan dan ianya terus berterusan.

Kebanyakan daripada hukum-hakam Islam dalam masalah kebersihan dan kesihatan seperti wuduk, mandi hari Jumaat dan sebagainya, selain daripada masalah kebersihan ia juga memiliki kesan-kesan rohani dan maknawi. Dalam al-Quran banyak kali disebut tentang masalah kebersihan dan kesucian, dan air mutlak (suci) dikira sebagai alat penyuci.

... و اَنزلنا من السماء ماءً طَهوراً..

"**...***dan kami turunkan air yang suci dari langit*".[27]

Dalam semua ajaran-ajaran Islam adalah sangat ditekankan untuk menjaga masalah-masalah kebersihan sehingga jika ia dikumpulkan boleh menjadikan satu kitab. Sebuah hadis Rasulullah s.a.w. dalam riwayat Imam Sadiq *'Alaihissalam* berbunyi:

أبصَرَ رسولُ اللّه(ص) رَجلاً شَعِثاً شَعرُ رَأسِه، وَ سِخَةً ثِيابُه، سَيِّئةً حالُه. فقال رسولُ اللّه(ص): مِن الدينِ المتِعَةُ و اِظهارُ النّعمةِ.

"*Rasulullah s.a.w. melihat seorang lelaki yang kusut rambutnya, dan kotor pakaiannya serta memiliki keadaan yang jelik. Maka berkata*

25. Mungkin di Negara-negara timur tengah yang udaranya adalah kering sangat sesuai untuk diamalkan amalan ini tetapi bagi kawasan-kawasan yang udaranya lembab dan berpeluh tidak sesuai untuk mandi selang sehari. Penterjemah.
26. Al-Kafi. 6/496.
27. Surah al-Furqan 48/45

Rasulullah s.a.w.: menikmati nikmat anugerah Ilahi dan menampakkan nikmat-nikmat tersebut adalah sebahagian daripada iman".[28]

29. GOLONGAN TERTENTU ATAU UMUM MANUSIA

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

... والبَرائةُ مِمَّن نَفَى الاخيارَ... و جَعَل الأموالَ دُولَةً بَينَ الأغنياءِ...

"...dan berlepas tangan daripada mereka yang menyingkirkan orang-orang baik daripada masyarakat (Islam).. dan menjadikan harta-benda (Umat Islam) berputar disekitar golongan-golongan berada..."[29]

Ucapan Imam *'Alaihissalam* ini adalah merupakan sebahagian daripada surat Imam Ridha *'Alaihissalam* kepada Makmun berkenaan Islam yang tulin dan suci. Dalam hikmah ini ada dinyatakan sifat *tawalli* (berpegang kepada Imam maksum dan sahabat-sahabatnya) dan *tabarri* (berlepas tangan daripada musuh-musuh mereka) yang merupakan syarat-syarat Islam yang tulin, dan ini merupakan salah satu daripada *sifat tabarri*. Di antara perkara berlepas tangan adalah berpaling daripada mereka atau setiap aliran yang berusaha mengumpulkan kekayaan dan harta benda dan meletakkan nilai-nilai ajaran para nabi, al-Quran, Rasulullah s.a.w. dan para Imam Maksum *'Alaihimussalam* di bawah tapak-tapak kaki mereka, dan menolak sekeras-kerasnya serta menghukum perbuatan mereka dan menjauhkan garisan pergerakkan kita daripada mereka.

Perlu diperhatikan juga bahawa asas *Tawalli* (mencintai) dan *Tabarri* (benci) tidak hanya ada pada satu perkataan dan huruf sahaja, bahkan perlu dengan amal dan tindakan dengan pengertian lain *Tawalli* adalah bergerak menuju ke jalan para kekasih Allah, dan *Tabarri* adalah berpisah daripada jalan musuh-musuh Allah dan berpaling daripada mereka.

Ungkapan Imam agung ini dipetik daripada kitab suci al-Quran yang berbunyi:

﴿مَآ اَفَآءَ اللّه عَلى رَسُولِهِ مِن اَهلِ القُرى فَللّه وَ لِلرَّسُولِ وَلِذِى القُربى وَ اليَتامى وَالمِسَاكينِ وَابنِ السَّبيلِ كَى لا يَكُونَ دُولَةً بينَ الاَغنياءِ مِنكُم﴾.

"Apa saja harta rampasan (fai-i) yang diberikan Allah kepada Rasul-

28. Usul al-Kahfi 6/135; al-Hayat 6/439
29. Uyun akhbar ar-Reda a.s. 2/126.

Nya yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah; dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya. (QS. 59:7) ".[30]

Perkara ini juga telah dijelaskan dengan lebih kukuh lagi dalam hadis-hadis yang lain. Imam Ali *'Alaihissalam* berkata:

... و لم أجعَلها دُولَةً بَينَ الاَغنياءِ.

"**...***dan aku tidak mengumpulkan kemewahan disekitar orang-orang kaya".* [31]

Ini adalah daripada ciri-ciri kepimpinan Islam di mana arus dan putaran harta kekayaan harus disalurkan untuk kemanfaatan umum dan bukannya untuk golongan tertentu dikalangan elit atau kaum kerabat atau pengaut keuntungan. Setiap program kewangan dan metod yang dilancarkan di mana orang ramai atau umum masyarakat tidak dapat memanfaatkannya bahkan ianya disalurkan khusus untuk kelas atasan dan golongan tertentu atau kaum kerabat pada hakikatnya ianya bukanlah metod Islamik dan bertentangan dengan pesanan Imam agung Hadrat Ridha *'Alaihissalam*

Bukan juga begini di mana orang ramai datang berkumpul dan masing-masing mengambil saham masing-masing dan kemudian memberikannya kepada golongan kelas atasan, bahkan dengan menggunakan metod-metod yang tertentu dan melaksanakan program yang khusus, secara perlahan-lahan golongan minoriti mampu memiliki modal yang besar dan menguasai sumber kekayaan masyarakat, tetapi sebahagian masyarakat yang lain terpaksa berlapar. Jenis aliran membaham kekayaan ini yang berada di bawah naungan undang-undang tertentu dan tindakan pihak penguasa adalah sangat bertentangan dengan al-Quran dan ajaran-ajaran Radhawiyah.

Tokoh cendiakawan Syahid Ayatollah Behesyti telah melontarkan pandangan "bekerjasama" dan "badan-badan yang melaksanakan kerja usahasama" dan pandangan tersebut telah dipersetujui untuk diterapkan di dalam undang-undang Negara (Iran) di mana ianya bertujuan untuk membuat satu metod yang mana secara perlahan-lahan segala kekayaan akan disalurkan dan sampai ke tangan orang ramai, dan semua mereka akan dapat memanfaat-

30. Surah al-hayr. 7/59.
31. Al-Kafi. 8/61.

kannya dan pemilikan-pemilikan harta kekayaan akan kembali kepada masyarakat sepenuhnya, dan bukan untuk golongan tertentu. Tunjak pandangan ini mempunyai pengaruh yang penuh daripada ajaran Islam, kerana Allah Ta'ala telah menjadikan bumi dan segala sumber-sumbernya dan seisinya untuk kegunaan semua manusia bukan untuk golongan tertentu dan semua lapisan masyarakat adalah anggota makhluk Allah dan bukan hanya golongan kelas tertentu.

Dalam medan ini, topik "saham" adalah jalan penyelesaian yang sangat sesuai untuk mengamalkan perintah-perintah Islam ini yang mana modal-modal yang besar (kilang-kilang, perlombongan, perladangan dan sebagainya) dengan saham disalurkan ke tangan semua orang dan tidak melatakkannya ditangan golongan tertentu sahaja dan pastinya ia akan mendapat keridhaan Allah Ta'ala. Khususnya bagi golongan yang berada dan para pelabur yang besar dengan kekuatan pengaruh yang mereka memiliki dalam sesebuah syarikat tertentu, mereka mampu memberi pengaruh dalam menentukan harga sumber-sumber besar ekonomi dan membeli modal-modal yang sangat bernilai dengan harga-harga-harga yang sangat rendah sekali!.

30. MONOPOLISASI

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

...والبَراءةُ مِن الذينَ ظلَمُوا آلَ محمّدٍ(ص)»... والبَراءةُ مِن الناكِثينَ والقاسِطينَ والمارقينَ... والبَراءةُ من اَهلِ الاستئثارِ...

"*Diantara ajaran Islam yang suci adalah) berlepas tangan daripada orang-orang yang menzalimi keluarga Muhammad s.a.w. ... dan belepas tangan daripada golongan Naakistin (golongan yang melanggar perjanjian), Qaasitin (golongan yang menyempang) dan al-Maariqin (golongan yang murtad)... dan berlepas tangan daripada golongan yang menopolisasi kekayaan ...".*[32]

Maka itu, telah disebutkan berjaga-jaga dan berlepas tangan daripada golongan-golongan yang zalim ke atas hak-hak Keluarga Muhammad s.a.w. dan sebagainya dan berlepas tangan daripada golongan yang menopoli kekayaan; iaitu orang-orang yang memonopolisasi dan mereka-mereka yang merampas harta-benda dan sumber-sumber kekayaan masyarakat umum dan menjadikannya sebagai milik peribadinya dan menghalang orang ramai dari-

32. Uyun Akhbar Ar-Reda a.s. 2/126.

pada dapat memanfaatkannya.

Al-Isti'star atau melakukan monopoli (penguasaan) dan menjadikan sesuatu untuk dirinya sendiri (di bawah pengaruh kekuasaannya) [33]. *Al-Isti'star,* dan monopoli segala sumber kekayaan umum adalah merupakan faktor-faktor penting pembahagian tidak sama rata dan tidak adil dalam kekayaan, dan timbul kelas atasan (kaya), berada, fakir dan golongan yang lemah, yang mana tindakan ini merupakan satu perbuatan yang menyalahi sunnah Allah dalam penciptaan nikmat-nikmat alam semulajadi (kerana semua adalah milik Nya). Ia juga bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam dan Radhawiyah.

Perkara ini juga telah disebutkan dalam hadis-hadis yang lain. Di antaranya Imam Muhammad al-Baqir *'Alaihissalam* meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

خَمسَةُ لَعَنتُهم – و كلُّ نَبِيٍّ مُجابٍ – الزائدُ فى كتابِ اللّه، و التاركُ لِسُنَّتى...

والمستأثرُ بالفَى ءِ المستَحِلُّ له.

"Ada lima perkara yang saya dan setiap para nabi yang doanya didengar telah melaknatnya; orang yang menambahkan ayat-ayat suci al-Quran, orang yang meninggalkan sunnahku, … dan orang yang menjadikan harta-benda orang ramai milik peribadinya dan menghalalkannya". [34]

Imam Ali *'Alaihissalam* menulis dalam surat perjanjian dengan Malik b. Asytar r.a.:

و ايّاكَ و الاستئثارَ بما الناسُ فيه أسوَة...

"Wahai Malik!) Jauhilah perbuatan monopolisasi pada harta-benda yang orang ramai boleh memilikinya secara sama rata" [35]

Oleh yang demikian, ucapan Imam Ridha *'Alaihissalam* yang merupakan pesanan-pesanan hikmah Radhawiyah di dalam menjelaskan batasan-batasan Islam yang suci tidak mempunyai sedikitpun perbezaan dengan hadis-hadis yang lain yang mana semuanya dipetik dari sumber telaga wahyu Ilahi, dan semuanya menjelaskan bahawa semua sumber dan nikmat Ilahi adalah untuk kegunaan semua orang dan bahkan untuk haiwan juga dan mengira semua jenis bentuk kemonopolisasian dan menjadikan sesuatu (milik orang ramai) milik peribadi adalah bercanggah dengan sunnah Ilahi dan undang-undang umum Ilahi.

33. Al-Munjid /3.
34. Al-Kafi 2/293.
35. Nahjul al-Balaghah, Surat 53.

31. MENGGUNAKAN DAN PEMANFAATAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

... واجتِنابُ الكبائرِ و هى قَتلُ النفسِ... والبَخسُ فى المِكيالِ والميزان... والخِيانةُ...

"...Dan (di antara ajaran Islam yang tulin adalah) menjauhkan daripada melakukan dosa-dosa besar dan (di antaranya) adalah membunuh orang... dan mengurangkan timbangan.. dan membuat khianat...".

Menggunakan dan memanfaatkan hasil-hasil pendapatan pekerja dan peladang, dan mengurangkan pendapatan pekerjaan dan harga barangan mereka adalah merupakan sistem kapitalis dan mengkhianati hak-hak orang ramai. Kezaliman besar ini telah ada semenjak dahulu lagi dan sekarang ianya lebih teruk dan lebih mencengkam dan jaringan-jaringan kapitalisme dengan maklumat yang lengkap mereka tentang keadaan harga pasaran, dan dengan kerjasama antara kuncu-kuncu mereka telah mengurangkan kadar nilai pendapatan kebanyakan daripada pekerja dan menindas buruh-buruh kasar.

Tamadun sektor-sektor pengeluaran dalam sistem kapitalis juga tidak mampu atau tidak mahu untuk mencari jalan penyelesaian berkenaan sistem penindasan ini. Berdasarkan ungkapan-ungkapan al-Quran , para Anbia Ilahi lah manusia pertama yang bangun menentang di dalam dakwah-dakwah mereka terhadap penggunaan-penggunaan yang berbentuk penindasan ini, dan berdiri teguh berhadapan dengan kuasa-kuasa yang zalim. Firman Allah dalam Al-Quran:

﴿وَ يَا قَومِ اَوفُوا المِكيَالَ وَ الميزانَ بِالقسطِ وَ لا تَبخَسُوا النّاسَ اَشياءهُم وَ لا تَعثَوا فِى الارضِ مُفسدينَ﴾

"*Wahai kaumku! Tunaikanlah timbangan dan neraca dengan keadilan dan jangan kamu menggurangkan nilai barangan-barangan manusia dan jangan pula kamu melakukan perbuatan orang-orang yang melakukan kerosakkan di atas muka bumi".*

Pengertian "بَخس اشياء ناس", iaitu menggurangkan nilai kerja dan produk barangan manusia. Perkara ini juga telah diterangkan dalam ayat-ayat yang lain dan begitu juga melalui lisan-lisan para Anbia Ilahi. 'Amin Islam Tabarsi q.s. dalam Tafsir Majma'ul Bayan menafsirkan ayat ini dengan penjelasan:

«ولا تبخَسُوا الناسَ اَشياءَهم»

"*Janganlah kamu menggurangkan hak-hak orang ramai dan jangan pula menghalang daripada hak-hak mereka".*

Dalam ucapan Imam agung *'Alaihissalam,* kalimat: "بَخس در مكيال و ميزان" dan "خيانت" juga ada disebutkan. Khianat dalam istilah atau pengertian umum dan menyeluruh meliputi semua jenis penindasan dalam ekonomi dan kewangan dan dosanya seperti membunuh orang dan dikira sebagai antara dosa-dosa besar. Menyebut khianat dalam rangka umum menjadi dalil tentang mutlaknya pemahaman hadis (di atas) dalam merangkumi segala bentuk kesamaan dan metod-metod baru pengambilan, penggunaan atau pemanfaatan daripada pekerja.

Pada zaman yang lalu, dikeranakan permis-permis pekerjaan dan peralatan kerja sangat terbatas, maka kezaliman dan penindasan dalam penggunaan dan mengambil keuntungan banyak terjadi melalui alatan zaman tersebut dengan timbangan dan dacing, tetapi pada hari ini, masalah-masalah ekonomi, timbangan dan dacing sudah mula bergoncang secara kesuluruhan (kurang digunakan), dan mengaut keuntungan yang berlebihan dan penindasan dalam ekonomi telah menjadi dengan lebih meluas lagi, baik daripada pihak perdagangan, dua perjanjian yang diikat dan sebagainya dan penguasaan yang menyeluruh pelabur-pelabur besar ke dalam sektor-sektor perkilangan, perladangan dan sumber-sumber ekonomi yang mana semua ini telah menjadikan dunia bertambah tenat dan rumit dan masalah-masalah yang meruncingkan semakin menyeluruh.

Dalam Islam telah dijelaskan bermacam-macam bentuk cara mengaut keuntungan dan mengambil peluang daripada pekerjaan orang-orang lain dan semua jenis perbuatan ini sangat dikecam dan terkeluar daripada ajaran suci Islam. Dalam sebuah riwayat yang telah diriwayatkan oleh salah seorang daripada Imam Muhammad al-Baqir *'Alaihissalam* atau Imam sadiq *'Alaihissalam* yang berbunyi:

محمّد بن مسلم، انّه سَئَل عن الرجل يَتَقَبّل بِالعملِ فلا يَعمَلُ فيه، و يَدفَعُه الى اخرَ فيَربَحُ فيه؟.

قال: لا الاّ أن يكونَ قد عَمِل فيه شيئاً.

"*Muhammad bin Muslim (perawi yang dikenali ramai) bertanya: ada seorang lelaki telah membuat satu persetujuan berkenaan dengan satu pekerjaan, tetapi dia tidak melakukan pekerjaan tersebut, dan menyerahkannya kepada orang lain dan dia juga mengambil keuntungan daripada orang tersebut?. Imam 'Alaihissalam berkata: ia (lebihan dan keuntungan ini) tidak dibolehkan kecuali dia telah me-*

lakukan pekerjaan tersebut".

Oleh kerana keuntungan lebihan tidak boleh dikira sebagai gaji daripada pekerjaan tersebut dan pekerjaan juga tidak dibuat maka pengambilan daripada keuntungan tersebut dipermasalah di sisi Syarak dan hukumnya haram.

32. KETERBATASAN KEUNTUNGAN PERDAGANGAN.

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

رِبحُ المؤمن على اَخيه رباً، الاّ اَن يَشترىَ منه شيئاً بِاَكثرَ مِن مِئةِ دِرهمٍ، فَيَربَحُ فيه قُوتَ يَومِه، او يَشترىَ مَتاعاً لِلتجارَةِ فيَربَحُ عليه رِبحاً خَفيفاً.

"Mengambil keuntungan seorang Mukmin ke atas saudara seagamanya yang lain adalah riba, kecuali dia membeli daripadanya sesuatu barang melebihi daripada seratus Dirham, maka dalam keadaan ini dia boleh menerima keuntungan daripadanya sekadar tidak lebih daripada keperluan makanan sehariannya, atau dia membeli barangan untuk diniagakan dan dia menerima sedikit keuntungan ke atasnya ".

Jual-beli diterima sebagai keperluan ekonomi dalam agama Islam, dan pandangan yang berbunyi: para peniaga tidak menambahkan sesuatu ke atas barangan mereka (seperti menambahkan kualitinya dan sebagainya) dan segala keuntungan yang diperolehi daripadanya adalah tidak betul dan juga ditolak; kerana perkara ini tidak diragukan lagi bahawa harga barangan yang ada di kilang tidak akan sama dengan barang yang sama yang ada di kedai runcit yang ada berdekatan dengan tempat kediaman. Kerana kosnya (barangan yang ada di kedai-kedai runcit) melibatkan kos penghantaran, tambang dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengannya dan keuntungan jual-beli tidak dipermasalahkan dan barulah ketika itu asal keuntungan dalam muamalah menjadi betul dan diterima di sisi Syarak, dan perkara ini sememangnya telah dibahaskan bahawa adakah boleh menghasilkan keuntungan mengikut sesuka hati hasil pertukaran barangan yang dipersetujui dan tidak ada batasannya, dan para peniaga juga boleh menjual barangan mereka mengikut sesuka hati mereka?!.

Perkara ini telah pun dijelaskan di dalam kitab suci al-Quran dan di dalam ucapan-ucapan nurani Rasulullah s.a.w. dan 'Imam-imam Maksum *'Alaihimussalam* di mana mereka telah meletakkan batasan dan syarat berkenaan dengan keuntungan para pedagang dan penukaran barangan. Al-Quran

berfirman:

﴿لا تأكلُوا اَموالَكُم بَينَكُم بِالباطِل الاّ ان تَكونَ تِجارةً عن تراضٍ مِنكُم ولا تَقتُلوا اَنفُسَكم...﴾

"*Janganlah kamu makan harta-benda di antara kamu dengan batil kecuali ianya berbentuk perniagaan yang disertai dengan keridhaan dikalangan kamu dan jangan pula kamu membunuh jiwa kamu ..*".

Ayat ini ditujukan kepada masyarakat umum. Oleh kerana masyarakat dikira sebagai satu anggota (dalam sesebuah komuniti masyarakat), maka dengan membuat kerosakkan dalam peredaran kekayaan, maka jual-beli dikira sebagai penyebab kepada membunuh diri masyarakat sebagaimana yang terdapat dihujung ayat: ﴿'لاَ تقتلوا انفسكم﴾ janganlah kamu membunuh jiwa kamu.

Ayat di atas boleh difahami tentang keterbatasan dalam mengambil keuntungan dalam perdagangan yang mana kalimat ﴿تراضٍ﴾ telah menjelaskan berkenaan 'keridhaan ' antara dua peniaga dan pembeli di mana setiap jual-beli dan muamalah haruslah terjadi dengan keridhaan dua hala, bukan sekadar keridhaan di sebelah penjual sahaja yang mana dia harus menghasilkan sekian banyak keuntungan dan menghisap darah pembeli dan mengaut segala keuntungan daripadanya. Perbuatan ini sangat bercanggah dengan al-Quran yang suci, ini kerana ﴿تراضى﴾ iaitu keridhaan tidak terjadi dengan dua hala, bahkan keridhaan hanya terjadi di sebelah satu pihak (peniaga) sahaja.

Imam Ridha *'Alaihissalam* dalam ucapannya sangat menekankan tentang paksi ini di mana keuntungan harus tidak perlu banyak dan sedikit (memadai), dan keuntungan-keuntungan yang banyak dan berlipat kali ganda bukanlah daripada amalan Islam dan Radhawiyah sebagaimana yang telah disebutkan oleh al-Quran dalam kalimat ﴿تراضى﴾ .

Imam Ali *'Alaihissalam* juga telah menekankan masalah ini di dalam surat perjanjiannya dengan Malik b. Asytar:

... وليكُن البَيعُ بَيعاً سَمحاً، بِموازينِ عَدلٍ، و اَسعارٍ لا تُجحِفُ بالفَريقَينِ، من البائعِ والمبتاعِ...

"...*Perniagaan harus dipermudahkan dan diringankan dan dijalankan dengan neraca keadilan dan terjadi dengan harga-harga yang tidak melampaui batas antara peniaga dan pembeli*...".

Ucapan Imam Ali *'Alaihissalam* tidak berbeza dengan ucapan Imam Ridha *'Alaihissalam* , dan keuntungan yang sedikit dan tidak banyak mempunyai satu ukuran dengan perniagaan yang mudah dan tidak dipersulitkan yang mana kedua-duanya bermaksud keuntungan yang tidak seberapa dalam muamalah dan jual-beli.

Tokoh cendiakawan Syahid Ayatollah Behesyti mempunyai pandangan dalam bidang ini yang mana beliau berkata:

"Sesuatu yang dikira mencuri dan menjadi penyebab di mana terdapat sebahagian orang mampu dengan cara sulit dan tidak dilihat mewujudkan dan menyetorkan nilai-nilai produk hasil kerja dan penat-lelah orang lain, inilah dia keuntungan modal para peniaga. Dalam keuntungan jual-beli ini, kadar keuntungan yang diperolehi daripada hasil penat-lelah penjual dan pembeli, penulis dan jurukira, pekerja dan kos telefon dan seumpamanya tidaklah dipermasalahkan. Tetapi orang yang berkata dengan jumlah ini dia membeli seribu barang dan menjualnya dan dia mahukan harga yang tertentu, jika seratus barang dengan kadar kerja (hanya) sepuluh peratus (daripada yang sepatutnya dilakukan) dia mahukan keuntungan tersebut, maka cara ini tidaklah betul. Inilah ia keuntungan modal yang dilakukan secara zalim dan ia sangat ditolak".

Apabila kita meneliti bahagian penting yang terdapat dalam riwayat-riwayat yang telah diriwayatkan di zaman Rasulullah s.a.w. dan para Imam Maksum *'Alahissalam* berkenaan adab-adab perniagaan, kita akan dapat memahami dengan baik bahawa seorang peniaga yang memiliki akhlak Islami dan beramal dengan rukun-rukun Islam apabila dia berniaga dan keuntungan yang dicari adalah keuntungan yang sesuai dengan penat lelahnya yang berbentuk apa yang sepatutnya diambil (dan tidak mengambil lebih daripada kadar yang sepatutnya), tetapi sebalik bagi sebahagian peniaga yang selain dia mahukan supaya modalnya yang jika dilihat dari sisi ekonomi ianya sudah jatuh menjadi mukjizat (baginya) dan juga mengembang banyak. Orang ini orang yang tidak sedar. Dan dalam hal ini, nilai-nilai Islam tidak dapat diragukan lagi.

Kami dapat memahami kesimpulan makna ayat ini ﴿احلَّ اللّه البَيع و حَرّم الربا﴾ yang bermaksud bahawa dibenarkan mengambil keuntungan mengikut kadar yang sesuai dengan penat-lelah peniaga, dan mengaut keuntungan melebihi daripada kadar yang sepatutnya dari sudut ekonomi adalah merupakan satu penindasan dan kezaliman yang mana ianya samasekali tidak ada bezanya dengan riba'.

33. AKHLAK IDEALISTIK (AKHLAK BERKENAAN DENGAN KEUNGGULAN)

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

ما رأيتُ اباالحسن الرضا(ع) جَفا أحداً بكلمةٍ قطُّ، ولا رأيتُه قَطَع على أحدٍ كلامَه حتى يَفرُغَ منه، و ما رَدّ أحداًعن حاجةٍ يَقدرُ عليها، و لا مَدّ رِجلَه بين يَدى جَليس له قطُّ، ولا اتكى بين يدى جليس له قطُّ، ولا رأيتُه شَتَم احداً من مَواليه و مَماليكِه قطُّ، ولا رأيتُه تَفَل... وكان اذا خلا و نَصَب مائدتَه اجلسَ معه على مائدتِه مماليكه و مواليه حتّى البَوّابِ والسائِس. و كان قليلَ النّوم بالليلِ، كَثيرَ السَّهَرِ... و كان كثيرَ الصيامِ، فلا يَفوتُه صيامُ ثَلاثةِ اَيامٍ فى الشَّهرِ، و يقول: ذلك صَومُ الدّهرِ، و كان كثيرَ المعروفِ و الصّدقةِ فى السّرِ، و اكثرُ ذلك يكونُ مِنه فى الليالى المظلمةِ.

"*Ibrahim b. Abbas berkata: aku belum pernah melihat ucapan yang keluar dari mulut Abal Hasan ar-Ridha 'Alaihissalam boleh mendatangkan kerugian kepada orang lain, dan tidak pula aku pernah melihat beliau memotong percakapan orang lain sebelum orang tersebut menyempurnakan ucapannya, dan tidak menolak hajat seseorang dalam keadaan beliau mampu menunaikannya. Hadrat 'Alaihissalam tidak sekali akan melunjurkan kakinya di hadapan orang lain dan tidak akan menyandar ke tempat sandar ketika duduk di hadapan orang, dan tidak bercakap dengan ucapan yang tidak sepatutnya diucapkan di hadapan sahabat-sahabat dan hamba-hambanya dan aku belum pernah melihat beliau meludah ... Apabila beliau bersendirian, beliau akan membentangkan kain hidangan makanannya dan akan menjemput semua pekerja dan hambanya untuk makan bersamanya bahkan turut menjemput penjaga pintu dan.. Beliau sangat kurang tidur pada waktu malam dan banyak berjaga pada waktu malamnya. Beliau sering kali berpuasa dan sama sekali beliau tidak akan meninggalkan puasa tiga hari dalam setiap bulan dan berkata: ini lah dia puasa sepanjang hayat. Hadrat 'Alaihissalam banyak melakukan kebaikan dan melakukan sedekah dan amalan ini sering dilakukan pada waktu malam".*

Akhlak adalah merupakan wajah sebenar seorang insan dan sahsiah keperibadiannya. Manusia agung boleh dikenali melalui akhlaknya yang terpuji. Al-Quran ketika memuji Nabi s.a.w. berfirman:

﴿انّك لَعَلى خُلُقٍ عظيمٍ﴾.

"*Sesungguhnya engkau memiliki akhlak yang sangat agung*".

Pemimpin-pemimpin Ilahi dan para Imam maksum *'Alahismussalam* telah menunjukkan akhlak-akhlak yang agung, dan segala watak dan roh mereka adalah baik, maka itu pengikut-pengikut mereka juga harus memiliki akhlak yang sebegini dan berusaha sedaya yang mampu untuk mendekatkan diri mereka dengan Imam-imam Maksum *'Alahimussalam* dari sudut tarbiah dan akhlak.

34 BEKERJA DALAM SISTEM TABIAT ALAM

Imam Ridha *'Alaihissalam* berkata:

... ليس لِلنّاسِ بُدٌّ من طلبِ مَعاشِهم، فلا تَدَعِ الطَّلبَ.

"...*Manusia seharusnya tidak boleh lari daripada memenuhi keperluan kehidupannya, maka itu janganlah meninggalkan usaha untuk mencari rezeki".*

Manusia adalah makhluk yang memerlukan, dan segala keperluan dan barang-barang yang diinginkannya ada tersimpan dalam alam semulajadi, tetapi untuk memanfaatkan barang-barang keperluan tersebut bukanlah perkara yang mudah. Memenuhi keperluan makanan, pakaian dan tempat tinggal memerlukan kepada usaha dan kerja. Maka itu, dalam sistem alam semulajadi, pekerjaan adalah merupakan satu perantara untuk mengaktifkan sumber-sumber kehidupan semulajadi, dan menyediakannya sehingga ke peringkat boleh digunakan oleh manusia.

Dalam naungan kerja dan usaha sebagaimana yang telah dilakukan oleh seorang peladang, maka bahan-bahan makanan dapat dihasilkan, dan dalam naungan usaha dan kerja, maka keperluan-keperluan kehidupan dapat disediakan, dan dapat memenuhi banyak keperluan hidup manusia. Oleh itu, pekerjaan adalah merupakan satu hal yang sangat diperlukan oleh setiap manusia, dan ini adalah sunat dan undang-undang Ilahi yang berasaskan hikmah yang sangat diperlukan untuk mengekalkan kehidupan manusia sejagat. Ini kerana, usaha sangat diperlukan untuk keberadaan dan kejadian, dan untuk mematangkan tenaga-tenaga jasmani, dan perkembangan akal, serta perkembangan kemampuan-kemampuan fitrah manusia.

Al-Quran berfirman:

﴿لَقد خَلقنَا الانسانَ فى كَبَد﴾.

"Sesungguhnya kami menciptakan manusia dalam keadaan bersusah payah".

Hakikat kewujudan manusia tidak akan berkembang dan kekal kecuali dengan usaha, kepayahan dan penat lelah. Jika manusia menganggur, duduk tenang sambil lewa, tidak berusaha, pasti mereka akan menjadi letih dan lesu, malas dan tidak akan bergerak ke hadapan, atau asal kewujudannya akan hancur binasa, atau akan mensia-siakan perkembangan, ketinggian dan keselamatan dirinya sendiri.

Imam Ali *'Alahissalam* :

"barangsiapa yang bekerja kemampuannya akan bertambah, dan barangsiapa yang kurang bekerja dan menganggur, kemampuannya akan menjadi lemah dan lesu".

Imam Sadiq *'Alahissalam* dalam menjelaskan falsafah kerja berkata dalam sebuah hadis:

"*Manusia dalam keadaan menganggur akan sampai kepada kemuncak tidak memiliki adab dan akan dihinggapi penyakit tidak mensyukuri sehinggalah kerosakkan akan banyak dilakukan, dan perbuatan -perbuatan yang jelik akan terus melarat. Ini kerana jika semua (urusan-urusan dunia dan barang-barang diperlukan untuk digunakan) diserahkan bulat-bulat kepada manusia (tanpa perlu usaha dan kerja), pastinya mereka akan merasakan usaha dan kerja tidak akan diperlukan lagi, dan selepas itu bumi tidak lagi bercantum di bawah tapak kaki mereka (akibat daripada perbuatan biadab dan tidak bersyukur mereka), dan sehinggalah dia akan sampai kepada satu peringkat di mana perbuatan-perbuatan (yang tidak sepatutnya dilakukan) akan dikerjakan yang boleh menjadi penyebab kepada kehancuran dirinya*".

Bukan hanya tubuh manusia sahaja yang memerlukan kepada pekerjaan, bahkan pertumbuhan roh, kekuatan rohani, pemikiran, budaya, tarbiah dan keselamatan mentalnya juga memerlukan kepada kerja. Berdasarkan ucapan Imam Sadiq *'Alahissalam* bahawa jika manusia tidak memerlukan kepada pekerjaan dan waktu-waktunya terus dipenuhi dengan duduk diam dan tidak bekerja, maka kesudahannya akan berlaku kerosakan dan kehancuran dan dia terpaksa menggunakan segala tenaga dan keupayaannya ke satu jalan yang akhirnya akan membawanya kepada kehancuran dirinya sendiri dan kaum sejenisnya. Oleh yang demikian, manusia adalah merupakan satu benda yang perlu ada atau dengan ungkapan Imam Ridha *'Alahissalam* satu "لابّد" iaitu tidak dapat tidak, harus berusaha dan bersusah-payah, sehingga mereka benar -benar selamat daripada kesan-kesan sifat menganggur, duduk sambil lewa atau membuat kerosakan dalam kesenangan dan hanya mahu bersenang-lenang.

35. BEKERJA DALAM SISTEM/PERATURAN SYARIAH (HUKUM AGAMA)

Imam Ridha *'Alahissalam*:

الّذى يَطلُبُ من فَضل اللّه– عزّوجلّ – ما يَكُفُّ به عيالَه، اَعظمُ أجراً من المجاهدِ فى سَبيل اللّه — عزّوجلّ

"Barangsiapa yang (dengan kerja dan amal) dalam mencari rezeki Allah untuk menyara keluarganya, memiliki pahala/ganjaran yang lebih besar daripada Mujahid (orang yang berjihad) di jalan Allah".

Manusia dalam naungan pendidikan-pendidikan agama, bertanggungjawab untuk mengikut undang-undang semulajadi, dan menyesuaikan diri dengan peraturan penciptaan. Berdasarkan ucapan Imam agung manusia, orang yang berusaha untuk memperbaiki kehidupan keluarga sendiri, memiliki pahala yang lebih besar daripada pahala orang yang berjihad di jalan Allah. Dalam naungan kerja dan usaha yang membuatkan manusia dan anggota keluarganya merasa selamat, menemui sahsiah (peribadi) bermasyarakat, menyediakan peluang menumbuhkan akal dan tubuh badan mereka, dan menemui kemampuan untuk mengukuhkan agama kepercayaan mereka serta mampu mengamalkan taklif (tanggungjawab) ketuhanan (agama) mereka tanpa sebarang kerisauan dan kebimbangan fikiran.

Manusia jika tidak memiliki barang-barang yang diperlukannya, bagaimanakah dia mampu untuk menunaikan solat, atau berpuasa ataupun pergi menunaikan haji dan jihad.

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* bersabda :

اللّهم بارك لَنا فى الخُبز، ولا تُفَّرق بيننا و بَينه، فَلولا الخُبزُ ما صَلّينا ولا صُمنا ولا اَدّينا فرائضَ ربّنا

"*Ya Allah! Berikan kami roti dengan keberkatan, jangan pisahkan antara kami dan roti; kerana jika tiada roti, kami (tidak mampu) menunaikan solat, tidak berpuasa, tidak juga melakukan kewajipan Ilahi yang lain*".

Dalam kata-kata hikmah nabawi (*Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih*) ini, roti telah dijelaskan sebagai simbol bahan makanan, dan ini dapat diperoleh daripada kerja-kerja pertanian dan perkilangan. Pemimpin-pemimpin benar Ilahi, mengenali kehidupan sebenar manusia, mereka memberi perhatian kepada pembentukan jadual dan undang-undang. Mereka tidak memikirkan sesuatu yang subjektif (pandangan atau perasaan sendiri) dan khayalan, dan mereka

tidak meminta taqwa, ibadah dan sebagainya daripada perut-perut yang lapar dan manusia-manusia yang fakir dan memerlukan.

Daripada ucapan Imam Ridha *'Alahissalam* dan hadis mulia Rasul *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* hakikat yang lain juga menjadi terang dan jelas, dan ia adalah hubungan akhlak dan maknawiyah dengan masalah-masalah material (duniawi) dan kehidupan, ini adalah kerana menjadi seorang mujahid (orang yang berjihad) di jalan Allah merupakan nilai-nilai maknawi yang paling tinggi, dan ini mempunyai hubung kait dengan usaha dan kerja bagi menyara kehidupan keluarga dan anak-anak, dan keseluruhan kerja-kerja harian manusia yang dilakukan untuk memenuhi keperluan-keperluan diri dan keluarga merupakan kerja-kerja maknawi dan batu loncatan menuju ke kedudukan yang paling tinggi di sisi Tuhan.

36. HUBUNGAN PERSAHABATAN

Imam Ridha *'Alahissalam* – meriwayatkan daripada Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* :

لا تَزالُ اُمّتی بخیرٍ ما تحابُّوا و تهادوا... .

"*Ummatku sentiasa di dalam kebaikan, selagi mana mereka saling bersahabat, berkasih sayang dan memberi hadiah*..."

Hubungan berasaskan kasih sayang dan persahabatan di dalam masyarakat merupakan keinginan para pendamai dan ahli sosiologi (pakar kajian kemasyarakatan), bahawa manusia hidup bersama-sama dengan cinta dan persahabatan, menjadi pembantu kepada satu sama lain, dan semuanya memiliki kehidupan yang karib dan mesra.

Tidak ada penyebab dan kekuatan seperti persahabatan yang mampu mendekatkan dua insan. Sejujurnya boleh dikatakan hubungan organisma (hidupan) kemasyarakatan hanya mampu diamalkan dalam naungan persahabatan. Bagaimana manusia menyayangi anggota badannya, dan menjaga dengan sempurna keselamatan dan ketenangan mereka. Di dalam anggota masyarakat juga setiap orang diumpamakan seperti anggota badan, dan setiap orang memikirkan kesenangan dan keselamatan orang lain sepertimana kesenangan dan keselamatan diri sendiri. Oleh itu, cinta dan persahabatan dalam masyarakat dikira sebagai akhlak yang paling berharga dalam pendidikan membentuk peribadi Islam.

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* bersabda :

اَشدُّكُم حُبّاً للّه اَشدُّكم حُبّاً لِلناسِ

"Orang yang paling mencintai Allah (juga) adalah orang yang paling mencintai manusia''.

Imam Baqir *'Alahissalam*:

و هل الدينُ الاّ الحبُّ... الدينُ هو الحبُّ والحبُّ هوالدينُ.

"*Adakah agama selain kasih sayang?... Agama adalah kasih sayang dan kasih sayang itu adalah agama*".

Imam Sadiq *'Alahissalam*:

انّ المسلمين يلتَقيان، فافضَلُهما اشَدُّهما حُباً لِصاحِبِه

"*Dua orang Islam apabila berada bersama-sama, maka yang paling baik antara mereka dia yang paling mengasihi sahabatnya*".

Ukuran yang paling tinggi bagi menimbang nilai dua orang insan adalah ucapan Imam Sadiq *'Alaihissalam* ini, dan sejujurnya sesuatu yang mengagumkan di mana kadar, kedudukan dan nilai setiap orang bergantung kepada sebanyak mana kasih sayang dan kecintaan kepada orang lain. Dan ini menggambarkan hubungan kemasyarakatan yang paling mulia yang jarang dilihat di dalam mana-mana adat dan agama .

37. MENGGEMBIRAKAN ORANG

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

... واحرِصُوا على قَضاءِ حوائِج المؤمنينَ، و ادخالِ السُّرورِ عَليهم، و دَفع المِكرُوهِ عنهم، فانّه ليس شَىءُ من الاعمالِ عنداللّه – عزّوجلّ – بَعدَ الفَرائضِ اَفضَلَ من ادخالِ السُّرور على المومنِ.

"...Berebutlah kamu dalam menunaikan keperluan-keperluan orang-orang beriman, menggembirakan serta menjauhkan sesuatu yang tidak baik daripada mereka, kerana sesungguhnya tidak ada pekerjaan di sisi Allah 'Azza Wa Jalla selepas daripada (menunaikan)

kewajipan yang lebih baik daripada menggembirakan Mukmin".

Menyebarkan kegembiraan dalam masyarakat dan menggembirakan seorang demi seorang insan merupakan satu pekerjaan Islamik (berunsur agama) dan kemanusiaan, dan dikira sebagai akhlak ketuhanan yang paling tinggi. Menggembirakan pada peringkat yang paling bawah, dapat dilakukan dengan perkara-perkara yang menyeronokkan dan jenaka, tetapi yang paling utama adalah dengan menunaikan keperluan-keperluan dan menyelesaikan masalah insan. Manusia hari ini yang berada di dalam perangkap keperluan dan permasalahan hidup serta pembengkakan yang membunuh berada dalam kesulitan, dengan kata-kata yang indah mungkin sesaat dapat melalaikan mereka, namun tekanan masalah-masalah ini tidak memiliki tempat tinggal, kefakiran, penyakit, tidak memiliki sebarang harta yang mana ianya tidak dapat diubati melainkan kesusahan-kesusahan ini diangkat daripada bahu manusia.

Disebabkan itu, Imam agung manusia memulakan ucapannya berkenaan menggembirakan dengan memenuhi keperluan insan, kemudian baru beliau menerangkan berkenaan menggembirakan mereka; yakni dengan menyelesaikan keperluan-keperluan, kamu telah menggembirakan mereka, dan hadiahkanlah kesenangan dan ketenangan kepada kehidupan mereka.

Pada ayat ﴿واحرصُوا...﴾ (berebutlah kamu) Imam agung mengisyaratkan kepada dasar asas ini, yang mana berlebihan, sangat menginginkan dan tamak walaupun pada semua tempat merupakan sesuatu yang dicela dan tidak memiliki nilai. Namun begitu, berlebihan dalam kerja menggembirakan orang lain dan menunaikan keperluan-keperluan mereka bukan sesuatu yang dicela, malah merupakan satu akhlak kemanusiaan dan Islamik.

Imam Ali *'Alahissalam*:

الاسرافُ مَذمومُ فى كلِّ شىءٍ الاّ فى اَفعالِ البِرِّ.

"*Pembaziran dalam setiap perkara merupakan sesuatu yang dicela melainkan dalam perkara-perkara kebaikan (kemanusiaan)*".

38. PERJANJIAN DAN KESETIAAN KEPADA JANJI

Imam Ridha *'Alahissalam* – daripada ayah-ayahnya *'Alaihimussalam*, daripada Imam Ali *'Alahissalam*:

يقول: عِدَةُ المؤمِنِ نَذرُ لاكفّارةَ له. سَمِعتُ رسولَ اللّه (ص)

"*Aku mendengar Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda : Janji seorang Mukmin merupakan satu nazar yang mana tidak ada kaffarah (dalam bentuk memungkirinya) baginya*".

Setia kepada janji dan berpegang terhadap janji-janji dan persetujuan-persetujuan merupakan suatu perkara (subjek) kemasyarakatan di mana kesejahteraan masyarakat dan keteguhan hubungan kemasyarakatan bergantung kepadanya. Oleh sebab itu, kesetiaan kepada janji sangat ditekankan di dalam agama. Malah terdapat di dalam pendidikan Islam bahawa setiap kali kamu berjanji kepada anak-anak kamu, maka penuhilah janji tersebut dan jangan taburkan benih mungkir janji di dalam roh mereka.

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

انّا اَهلُ بيتٍ نرى ما وعَدنا علَينا دَيناً كما صَنَع رسولُ اللّه(ص).

"*Sesungguhnya kami sebuah keluarga yang melihat (menganggap) janji kami sebagai hutang, sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih (yakni menganggap janji seperti hutang dirinya)".*

Ini merupakan sempadan kesetiaan kepada janji yang paling tinggi dimana insan menganggap ia sebagai hutang dan merasakan diri bertanggungjawab untuk membayarnya.

39. AYAH DAN IBU

Imam Ridha *'Alahissalam*:

حَرَّمَ اللّه عقوقَ الوالدَينِ لِما فيه من الخُروج من التوفيقِ لِطاعَةِاللّه – عزوجلّ – ... و تركِ التَّربيةِ بِعلّةِ تركِ الولدِ بِرَّهما.

"*Allah Subhanahu Wa Taala telah mengharamkan/melarang mengingkari (menyakiti) ibu bapa, supaya tidak hilang taufiq mentaati Allah 'Azza Wa Jalla…(begitu juga) terlepas tarbiyah anak-anak (daripada kedua ibu bapa), disebabkan anak-anak yang tidak melakukan kebaikan terhadap mereka".*

Dalam ucapan ini telah diterangkan dua keburukan (bahaya) daripada keburukan-keburukan menyakiti ibu bapa.

Pertama, perbuatan ini menyebabkan pengingkaran terhadap Allah Taala, dan lainnya adalah mengurangkan rasa cinta dan kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak dan ini menjadikan asas (penyebab) kepada pembuangan anak dan pengabaian kepada pertumbuhan dan tarbiyahnya.

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

بِرُّالوالدينِ واجبٌ و ان كانا مُشركينِ، ولا طاعةَ لَهما فى مَعصيةِاللّه – عزّوجلّ.

"*Berbuat baik kepada ibu bapa adalah wajib walaupun jika mereka seorang musyrik, dan tidak boleh mentaati mereka (hanya) di dalam perkara maksiat kepada Allah 'Azza Wa Jalla".*

Ini adalah sempadan tertinggi penghormatan terhadap kedua ibu bapa, kerana akidah tauhid juga tidak memberi sebarang kesan kepadanya, dan syirik juga tidak mengangkat tanggungjawab tersebut daripada bahu seorang insan.

Imam Ridha *'Alaihissalam* : Mu'ammar Bin Khallad berkata : aku berkata kepada Imam Ridha *'Alaihissalam* :

اَدعوا لوالدىَّ اذا كانا لا يَعرفانِ الحقَّ؟ قال: اُدعُ لهما و تَصدَّق عنهما، و ان كانا حَيّينِ لا يَعرفانِ الحقَّ، فَدارهما. فانّ رسول اللّه(ص) قال: انّ اللّه بَعَثَنى بالرَّحمةِ لا بالعُقوقِ.

"*Adakah aku patut mendoakan kedua ibu bapaku, dalam keadaan di mana mereka tidak mengenal akan hak (dan tidak memper-*

cayainya)? Imam berkata : Doakanlah mereka, dan berikanlah sedekah bagi pihak mereka. Dan jika mereka masih hidup dan tidak mengenali hak bersederhanalah dengan mereka; kerana Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda : Allah telah melantikku sebagai rahmat (dan berkasih sayang antara manusia) bukan untuk menyakiti (dan tidak berkasih sayang)".

Di dalam pendidikan Islam, kerja dan amal terbaik adalah jihad di jalan Allah, dan tidak ada pekerjaan yang lebih baik daripadanya. Dalam keadaan sebegitu, bermesra dengan ibu, dan berkhidmat kepadanya, dikira lebih baik daripada satu tahun jihad, itupun jihad bersama Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih.

Seorang lelaki datang ke sisi Rasulullah dan berkata: "aku adalah seorang pemuda yang bersemangat (dan kuat), dan menyukai jihad; tetapi aku mempunyai seorang ibu yang tidak menyukai jihad.

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda :

{*Kembalilah dan tinggallah di sisi ibumu. Aku bersumpah demi Tuhan yang telah melantikku sebagai seorang Rasul, satu malam berada di sisi ibu, bagimu adalah lebih baik daripada jihad satu tahun di jalan Allah.*}

40. BERSEDERHANA

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

انّ الجَسَدَ بمَنزلةِ الارضِ الطيّبةِ مَتى تُعُوهِدَت بالعمارَةِ والسَّقى، من حيثُ لا يَزدادُ فى الماءِ فَتَغرقَ، و لا يُنقَص منه فتَعطَشَ، دامت عمارتُها، و كَثُر رَيعُها، و زَكى زَرعُها، و ان تُغُوفِل عنها فَسَدت، و لم يَنبُت فيها العُشبُ. فالجَسَدُ بهذِه المنزلَةِ.

"*Sesungguhnya kedudukan jasad (insan) adalah di tempat bumi yang suci, ketika mana ianya disuburkan dan diberi air; dalam keadaan di mana air tidak berlebihan sehingga boleh menenggelamkannya, dan tidak juga berkurangan supaya ia tidak kedahagaan (jika berlaku sebegini) ia akan sentiasa subur, dan hasilnya akan bertambah, dan akan baik penanamannya. Dan jika lalai dalam memeliharanya, ia akan rosak, dan tumbuhan tidak akan tumbuh di atasnya; maka jasad insan juga sebegitu*".

Bersederhana pada semua tempat khususnya di dalam kehidupan insan merupakan dasar dan asas utama, dan menjaga perkara itu menjadi penyebab keseimbangan dalam pelbagai aspek di dalam kehidupan manusia.

Dalam bahagian kerohanian dan akhlak, kesederhaan merupakan penyebab kesempurnaan akhlak dan ketinggian maknawi seorang insan yang mana pada keseluruhan keadaan dan akhlak peribadinya, dia menjauhi sifat berlebih-lebihan dan tidak mengambil sikap sambil lewa daripada keperluan yakni *ifrath* dan *tafrith*, maka dia akan menemui kesempurnaan akhlak. Dia menjaga had dan kesederhanaan dalam persahabatan dan permusuhan, dalam kesedihan dan kegembiraan, dalam diam dan berbicara, dan dia menjauhi kecintaan kepada sesuatu yang melebihi had, dan juga tidak berlebihan dalam permusuhan dan dalam perkara yang tidak disukai, dia menjaga dasar kesederhanaan dan keseimbangan dalam kesedihan dan kegembiraan, bukan sentiasa bersedih dan menjadikan diri berputus asa dan kecewa, bukan juga sentiasa bergembira dan seperti tiada kesakitan, dan melupakan masalah-masalah hidup serta kesakitan mereka yang berada di dalam kesusahan, bahkan mereka berduka apabila orang lain berduka, dan bergembira dalam kegembiraan seseorang atau masyarakat. Peribadi ini memiliki keselamatan dan kebaikan roh dan akhlak, dan berkemampuan mengimbangkan adat dan kebiasaan dalaman dirinya lalu menjadi seorang insan yang normal dan semulajadi, dan memiliki jiwa rohani yang normal, dan jauh daripada semua keganjilan yang lahir daripada sifat berlebih-lebihan.

Oleh yang demikian, dalam aspek kehidupan yang lain seperti pekerjaan dan pengangguran, kemiskinan dan kekayaan, kelaparan dan kekenyangan, kelazatan dan meninggalkan kelazatan, kerja dan usaha yang merupakan modal berkekalan dan berterusan hayat seseorang insan, hendaklah dengan kesederhanaan dan pada hadnya, dan waktu lapang dan istirehatnya juga pada hadnya bukan terlalu bekerja sehingga membahayakan keselamatan diri dan keluarganya, bukan juga duduk menganggur yang menyebabkan diri menjadi tidak bergerak, kemurungan dan kesedihan, begitu juga dalam memiliki dan tidak memiliki, jangan kerana ingin mengumpul harta sehingga melupakan halal dan haram, hak dan tanggungjawab, dan memperoleh harta yang berlebihan dan melampau, bukan juga memilih menjadi pengemis jalanan dan kemiskinan, sehingga terhalang juga daripada keperluan-keperluan kehidupan. Ketepikanlah kedua-kedua cara ini yang berlawanan dengan kesederhanaan, dan pilihlah jalan tengah dan sederhana dalam setiap perkara.

Imam Ali *'Alaihissalam* :

...والرابع: العَدلُ و قِوامُه فى اعتدالِ قُوَى النَّفسِ...

"*...Yang keempat adalah adil dan keteguhan dan kekukuhannya*

tersembunyi di dalam kesederhanaan kekuatan jiwa…"

Di dalam ibadah juga yang merupakan pekerjaan tertinggi seorang insan, hendaklah dijaga dasar keseimbangan dan kesederhanaannya. Kata-kata hikmah Imam Ridha '*Alaihissalam* ini merupakan satu dasar yang sangat menyeluruh dan satu undang-undang umum dalam seluruh kehidupan manusia.

41. MAHKAMAH DAN HAKIM DI DALAM NEGERI UNGGUL/ IDAMAN RADHAWI *'ALAIHISSALAM*

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

اعلم اَنّه يَجبُ عليك اَن تساوى بين الخصمينِ حتّى النّظَر اليهما، حتّى لا يكونَ نَظَرُك الى اَحدِهما اكثَرَ من نَظَرِكَ الى الثانى.

"*Ketahuilah! Sesungguhnya wajib ke atas kamu untuk memperlakukan dua orang yang berkelahi secara sama rata, walaupun dalam pandangan kepada mereka, supaya pandanganmu tidak terjadi kepada salah seorang daripada mereka melebihi daripada yang kedua*".

Keadilan dan pengadilan di dalam mahkamah-mahkamah merupakan pendidikan dan undang-undang yang sangat bernilai di dalam Islam, dan mahkamah-mahkamah Islam memiiliki keistimewaan-keistimewaan yang sangat jarang dapat ditemui pada mahkamah-mahkamah di segenap masyarakat.

Di dalam Nahjul Balaghah mungkin paling banyak penekanan mengenai keadilan pengadilan. Imam agung di dalam surat kepada Aswad Bin Qutbah, pemimpin tentera Hulwan berkata :

Oleh kerana pemerintah mempunyai kecenderungan-kecenderungan yang pelbagai, (kepelbagaian ini) menghalang dia daripada mengamalkan keadilan dalam banyak masalah, oleh itu, masalah rakyat dalam kedudukkan hak (dan memohon hak-hak) di sisimu hendaklah sama, yang mana kejahatan tidak mampu memenuhkan posisi keadilan.

Di dalam surat perjanjian Malik Asytar juga yang merupakan rancangan atau strategi pemerintahan yang terbaik dan terunggul serta bentuk dan cara memelihara hak-hak manusia yang terbaik telah terkandung di dalam nya, ayat -ayat dikhususkan kepada para hakim, akhlak dan keperibadian seorang hakim yang adil dan beragama (Islam) telah dijelaskan. Imam Ali *'Alaihissalam* berkata kepada Malik Asytar, sahabat setianya : Bagi menghakimi dan mengadili

rakyat, pilihlah orang yang terbaik pada pandanganmu...

Oleh itu, penghakiman telah dikira sebagai kerja para Rasul, ini disebabkan tidak semua orang mampu melakukan kerja penting ini. Bagaimana mungkin seorang kawan dan kenalan atau keluarga sendiri dengan orang yang paling asing hadir di dalam mahkamah, lalu insan memberikan hak kepada orang asing, dan tidak mengambil perhatian kepada sebarang hubungan. Jika dia melakukan sebegitu, maka dia telah melakukan suatu perlakuan Islam.

42. BERSIKAP PENYAYANG TERHADAP PASANGAN SUAMI ISTERI

Imam Ridha *'Alaihissalam* – meriwayatkan daripada Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* :

اَحسنُ النّاس ايماناً اَحسَنُهم خُلُقاً والطَفُهم باَهلِه، و اَنا اَلطَفُكم باَهلى.

"*Manusia yang terbaik dalam iman, adalah mereka yang paling indah akhlak dan paling penyayang terhadap isterinya, dan aku adalah yang paling penyayang terhadap isteriku di antara kamu*".

Di dalam Al-Quran Al-Karim terdapat lebih daripada 30 kali perkataan *ma'ruf*, dan lebih kurang setengah daripadanya berkenaan jenis perlakuan dan peraturan berhubungan dengan wanita.

Perkataan (*Ma'ruf*) yang banyak terdapat dalam pendidikan agama, dan arahan kemasyarakatan (menyuruh atau mengajak kepada *ma'ruf* iaitu kebaikan) juga telah dijelaskan menggunakan perkataan ini, dimana ia memiliki makna yang lebih dalam dan luas jika dibandingkan bagi yang memiliki undang -undang dan menginginkan keadilan. Selain itu, ia juga merangkumi kerja-kerja yang bernilai, berakhlak dan berperikemanusiaan serta perlakuan ditambah dengan hak dan adil yang merupakan satu jenis pekerjaan terbaik dan layak bagi nilai-nilai tertinggi seorang manusia.

Ma'ruf merupakan sebuah nama yang menyeliputi bagi setiap pekerjaan yang menyebabkan ketaatan kepada Allah, atau mendekatkan diri kepada Nya dan berbuat baik kepada orang lain, serta merupakan nama bagi setiap kerja yang baik dan layak yang telah diterima di dalam undang-undang syara' ataupun undang-undang akal.

Imam Sadiq *'Alaihissalam* :

... و مَن حَسُن بِرُّه باَهله زادَ اللّه فى عمرِه.

"...*Dan barangsiapa yang berbuat baik kepada keluarganya, Allah akan memanjangkan umurnya.*"

Hak-hak isteri dan suami di dalam Islam adalah dalam dua pihak, walaupun suami sepatutnya lebih menjaga pihak isteri, dan lebih menyediakan kemudahannya, namun isteri juga bertanggungjawab untuk berkhidmat kepada suami. Isteri perlu mengambil perhatian akan kemampuan dan kegembiraan suami dalam berdepan dengan masalah-masalah hidup, serta mengelak daripada mendapatkan kemahuan-kemahuan yang berat dan susah untuk mendapatkannya.

Menjaga dan menguruskan suami dengan benar dan baik mempunyai kepentingan yang tersendiri yang mana Rasulululllah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* telah mengira ia sebagai jihad di jalan Allah. Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* :

جهادُ المرأةِ حُسنُ التبعُّلِ.

"*Jihad wanita adalah baik dalam menguruskan suami*".

Oleh itu, semua hak-hak telah diberikan kepada wanita, dan tidak memandang usaha-usaha lelaki yang perit dan susah dalam kehidupan yang amat mencabar ini sebagai satu perkara yang tidak adil dan tidak islamik, serta sesuatu tidak ada hasilnya kecuali kerosakan rumah tangga dan penceraian, sepertimana yang berlaku dalam masyarakat kita pada masa kini, sehinggakan ahli-ahli majlis undangan juga menuruti kebiasaan ini. Sejujurnya ketua-ketua masyarakat perlu mengelakkan setiap jenis perlakuan yang berbentuk tindak balas, dan oleh kerana kita berada di dalam zaman di mana wanita kerap dizalimi dan sebagai reaksi kepada mereka, satu undang-undang telah diluluskan supaya lelaki pula dizalimi, dan mereka menjadikan sebahagian wanita yang menurut hawa nafsu dan tidak setia menjadi semakin berani dan biadab, dan setiap hari mereka mendatangi mahkamah-mahkamah (untuk mengadukan hal -hal mereka), wanita-wanita yang mengikut setiap hawa nafsunya dan meninggalkan kemuafakatan, dan memohon penceraian.

Penulis meletakkan garisan sendiri di dalam sebuah kitab berjudul Mempertahankan Hak-hak Wanita sebagai menyokong dan memihak kepada wanita, namun begitu bagi wanita yang menurut hawa nafsu dan meruntuhkan institusi keluarga tidak sepatutnya dipertahankan dan diberikan hak kepada mereka.

43. LEBIH BERKASIH SAYANG TERHADAP ANAK-ANAK PEREMPUAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* : Bersabda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* :

انَّ اللّه – تبارك و تعالى – على الاناثِ اَرَقُّ منه على الذكور و ما من رجُلٍ يُدخِل فَرحَةً على امرأةٍ بَينه و بَينها حُرمَةُ الاّ فَرَّحهُ اللّه يومَ القيامةِ.

"*Allah Subhanahu Wa Taala lebih menyayangi terhadap wanita berbanding lelaki dan tidak ada seorangpun dikalangan lelaki yang dapat menggembirakan seorang wanita daripada keluarganya, melainkan Allah akan menggembirakannya pada hari kiamat kelak.*"

Dalam ajaran Islam, sangat ditekankan supaya dapat memberikan kasih sayang yang lebih terhadap anak-anak perempuan. Oleh itu, kita melihat walaupun dasar persamaan dan kesaksamaan merupakan antara perintah-perintah Islam yang mana ianya tidak ada keraguan lagi, dan perlu untuk menjaganya di kalangan semua orang, namun perkara ini dikecualikan untuk anak-anak perempuan, bahkan meletakkan perbezaan di antara anak perempuan dan anak lelaki adalah lebih baik.

Mungkin salah satu sebabnya adalah kasih sayang yang lebih banyak yang dimiliki oleh wanita dan kelembutan serta kerapuhan mereka. Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih :*

مَن دَخَل السُّوقَ فاشترى تُحفةً فَحَملَها الى عيالِه... و ليَبدَأ بالاناثِ...

"*Barangsiapa yang pergi ke pasar lalu membeli hadiah, kemudian pulang ke rumah.. mulakanlah dalam membahagikannya dengan anak perempuan...*".

Atas ukuran ini kita melihat bahawa di dalam kitab (Wasail As-Syiah) terdapat tajuk atau perbahasan tentang bab ini yang berbunyi:

"*Adalah mustahab (sunat) supaya melebihkan anak perempuan dengan lembut hati dan kasih sayang (berbanding anak-anak lelaki). Dan ini adalah satu kelebihan kepada kaum wanita di mana undang -undang kesaksamaan seluruh aspek dan pada semua tempat dikecualikan untuk mereka*"

44. KEBEBASAN MEMILIH

Imam Ridha *'Alaihissalam* – meriwayatkan daripada ayah-ayahnya daripada Imam Ali *'Alaihissalam* :

انّ المسلمينَ قالوا لِرسولِ اللّه(ص): لو اكرَهتَ يا رسولَاللّه مَن قدرتَ عليه من الناسِ على الاسلامِ لكَثُر عَددُنا، و قَوينا على عَدُوّنا. فقال رسولُاللّه(ص): ما كنتُ لالقَى اللّه – عزّوجلّ – ببدعَةٍ لم يُحدِث الىَّ فيها شيئاً، و ما اَنا من المتكَلّفين. فانزَلَ اللّه – تعالى – عليه: يا محمد! (ولو شاءَ رَبُّك لتمنَ مَن فى الارضِ كلُّهم جميعاً) على سبيلِ الالجاءِ و الاضطرارِ فى الدنيا كما يُومنونَ عند المعاينةِ و رؤيةِ البأس فى الاخرةِ، ولو فَعلتُ ذلك بهم لم يَستَحِقُّوا مِنّى ثواباً ولا مَدحاً، لكنّى اُريدُ منهم اَن يُومِنوا مُختارينَ غيرَ مُضطَرّينَ، لِيَستَحقُّوا منّى الزُّلفى والكَرامةَ و دوامَ الخُلودِ فى جَنّةِالخُلدِ (افأنتَ تُكرهُ الناسَ حتّى يكونُوا مؤمنينَ)...

"*Para Muslimin telah berkata kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih : Wahai Rasullullah! Jika engkau memaksa mereka-mereka yang berada di bawah jajahan kekuatanmu untuk menerima Islam, bilangan kita akan bertambah dan kita akan menjadi kuat berhadapan dengan musuh-musuh. Rasulullah bersabda : Aku tidak akan sesekali bertemu dengan Allah 'Azza Wa Jalla dengan melakukan satu pekerjaan bid'ah dan tidak ada arahan berkenaannya. Aku bukanlah daripada kalangan pendusta. Allah Taala (selepas daripada peristiwa ini), telah menurunkan ayat ini kepada Muhammad : ((Wahai Muhammad! Jika Tuhan mahukan semua manusia di bumi cenderung kepada agama)) melalui paksaan dan tidak berupaya, seperti mana mereka beriman apabila tiba masa melihat hakikat (selepas mati), dan melihat kekuatan hak di akhirat. Jika aku menggunakan paksaan ke atas manusia, mereka tidak akan layak dan berhak untuk mendapat pahala dan pujian dari Ku, tetapi Aku mahu mereka beriman dengan bebas dan ikhtiar (pilihan), dan bukan terpaksa, supaya mereka berhak dan layak akan pendekatan dan penghormatanKu, serta kekal hidup di dalam syurga abadi. "Adakah kamu memaksa manusia supaya mereka beriman...*"

Kata-kata hikmah Radhawi *'Alaihissalam* ini adalah penyokong dasar-dasar hak-hak manusia, nilai insan, penghormatan kepada kebebasan, dan menerangkan akan kebebasan fikiran dalam memilih jalan dan kerja sendiri. Menafikan kebebasan dan pemaksaan fikiran dan akidah ini akan menyebabkan lebih banyak kesan negatif kepada peribadi seorang insan. Jika seorang

manusia itu dipaksa dalam pemikiran dan akidah, dan tidak dapat bebas berfikir dan mempercayai sesuatu serta memilihnya, dia juga tidak akan mampu beramal dengan bebas di dalam medan-medan kehidupan dan pergi ke arah jalan yang dipilih olehnya.

Menerima jalan dan fikiran secara terpaksa juga tidak memiliki nilai serta tidak akan memiliki daripadanya kepercayaan yang benar dan berkesan. Dengan akidah-akidah paksaan sebegini, manusia sentiasa mencari jalan penyimpangan, dan dengan segala cara dan helah (tipu daya) untuk tidak mementingkan akidah paksaan ini. Kepercayaan-kepercayaan agama sentiasa memiliki kesan-kesan yang sangat asasi dan kelanjutan usia, serta memaksa manusia dalam sedar atau tidak untuk mengamalkan akidahnya, sepertimana yang kita lihat orang-orang yang beragama benar sepanjang sejarah.

Oleh itu, manusia perlu memilih jalannya sendiri serta memilih akidah dan keimanannya, dan dengan pengurusan sendiri mereka perlu menguruskan kehidupan mereka, dan mereka adalah wira kehidupan mereka. Ini adalah satu pemilihan yang dengannya manusia layak untuk mendapat pahala atau hukuman dan layak mendapat pujian atau cacian di dalam masyarakat. Inilah jalan dan cara Islam dan para pemimpin kebenaran.

Oleh itu, kita melihat sepertimana yang digambarkan oleh Al-Quran berulang kali, Utusan (para rasul) Ilahi sentiasa berdakwah dan mengembangkan pemikiran, dan mereka mengukuhkan ucapan mereka dengan mantiq (lojika akal) dan dalil-dalil ‘aqli (akal) serta membuktikan metod-metod salah manusia menjadi tidak berguna (sia-sia) dan tidak bernilai.

Apa yang kita lihat di dalam Al-Quran yang mengajak semua untuk berfikir secara bijaksana, mengkaji, memperjelas dan memerhati dengan dalam (lebih jauh) berkenaan tanda-tanda penciptaan, dan meminta semua untuk mengkaji dengan tepat pendapat-pendapat, dan al-Quran juga memperkenalkan orang-orang berakal yang mereka adalah orang-orang yang mengkaji setiap ucapan dan akan memilih yang terbaik sahaja daripadanya, yang mana semuanya adalah untuk memberi keutamaan kepada pemikiran manusia dan keinginan bebasnya dalam membuat pilihan.

45. BERFIKIR

Imam Ridha *‘Alaihissalam*:

لَيسَ العِبادةُ كَثرةَ الصّيامِ والصّلاةِ، وانّما العبادَةُ كَثرةُ التَّفكُّرِ فى اَمراللّه.

“*Ibadah bukanlah pada banyaknya puasa dan solat, bahkan ibadah adalah banyaknya berfikir dalam urusan Tuhan (iaitu pada kebe-*

saran-kebesaran penciptaan dunia yang dalam dan luas serta rahsia -rahsia penciptaan manusia)".

Di dalam ajaran Imam Ridha *'Alaihissalam*, menyembah Tuhan yang diiringi dengan berfikir dan ilmu adalah sangat bernilai, dan ibadah yang bijaksana (dengan ilmu) adalah ibadah seseorang manusia itu berdoa dengan berfikir dan perhatian batin (dalaman) lalu akan menghampiri kepada roh ibadah.

Apa yang dilihat di dalam Islam berkenaan membesarkan atau menyanjung berfikir dan mendorong manusia ke arah itu, tidak dapat dilihat ianya ada di dalam agama-agama lain, sistem-sistem kemasyarakatan dan rancangan-rancangan manusia dalam medan pendidikan dan pengajaran. Di dalam Islam, telah diketahui bahawa berfikir satu jam adalah lebih baik daripada ibadah satu tahun, sebagaimana yang telah diucapkan:

(فكرةُ ساعةٍ خيرُ من عبادةٍ سَنَةٍ)

''*Berfikir sejam adalah lebih baik daripada ibadah setahun*''.

Dan:

(التَّفكُّرُ حياةُ قَلبِ البَصير)

''*Dan berfikir disebut sebagai kehidupan jiwa yang memahami*''

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

التَّفكُّرُ مِرآتُك تُريكَ سَيّئاتِك و حَسناتِك.

"*Berfikir adalah cermin dirimu dimana ia menunjukkan kepadamu keburukan-keburukan dan kebaikan-kebaikanmu*".

Manusia dengan berfikir di dalam dunia tentang dirinya, mampu memahami kelakuan dan sikap rohnya sendiri, dan mengenal keganjilan dan kekurangan diri serta mampu bangun untuk mengubati dan memperbaikinya. Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* :

يا اَباذَرٍّ! رَكعتانِ مُقتَصِدَتانِ فى [الـ] تَفكُّرٍ، خيرُ مِن قِيامِ لَيلةٍ والقَلبُ ساهٍ.

"*Wahai Aba Zar! Dua rakaat pendek yang ditunaikan dengan berfikir (perhatian dan tumpuan) adalah lebih baik daripada membangunkan satu malam (untuk beribadah) dalam keadaan hati yang lalai*"

Agama Islam sangat menginginkan daripada orang-orang beriman supaya menggunakan jalan berfikir sendiri dan merdeka (bebas) untuk menerima dasar-dasar agama (Usuluddin). Islam tidak membenarkan taqlid (mengikut) di dalam usul (dasar-dasar agama).

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* :

يا عليُّ! اذا تقَرَّبَ العِبادُ الى خالِقهم بالبِرِّ، فَتَقرَّبْ اليه بالعقلِ تَسبِقُهم.

"*Wahai Ali! Apabila (kamu melihat) seseorang hamba (dan manusia) mencapai taqarrub (kedekatan) dengan Tuhan dengan membuat kebaikan (dan amalan yang baik), maka dekatkanlah dirimu denganNya dengan menggunakan akalmu supaya dapat mendahului mereka*"

Ucapan Rasul agung Islam ini telah memberi kedudukan dan darjah tertinggi kepada manusia yang berakal yang mana tidak dapat dilihat sepertinya di dalam mana-mana agama dan arena pentas yang lain. Allamah Muhammad Taqi Ja'fari telah meriwayatkan hadis ini daripada kata-kata Ibnu Sina.

46. MEMPELAJARI ILMU SEPANJANG HIDUP

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

... ولا يَمَلُّ مِن طلبِ العلمِ طولَ دَهرِه.

"*...Tidak akan jemu dan letih bagi yang menuntut ilmu di sepanjang hidupnya*".

Masyarakat unggul Radhawi dilimpahi dengan ilmu, pengetahuan dan pengenalan, serta tidak ada tempat bagi kebodohan dan tidak berpengetahuan. Manusia-manusia dalam masyarakat ini berusaha untuk mengenali Tuhan, mengenali manusia dan mengenali dunia. Dan mengkaji dengan mendalam khususnya di dalam agama, serta mengukuhkan asas dan dasar agama dengan bersandarkan pada makrifah dan pengenalan (ilmu).

Para pengembara jalan Imam agung, bagi membaca dan mendapat ilmu pengetahuan, mereka tidak mengenal zaman dan jangka masa yang terhad, dan mereka tidak mengatakan bahawa mempelajari ilmu perlu dituntut ketika remaja (muda) dan di sekolah-sekolah atau universiti-universiti sahaja, dan apabila zaman-zaman ini telah berlalu maka pembelajaran, kitab dan mengulangkaji diketepikan?! Bukan begitu, bahkan mereka mempercayai

(sepertimana yang dikatakan oleh Imam mereka) perlu menuntut dan mengumpul ilmu sepanjang hidup, dan setiap ketika jangan lalai daripada pergerakan kehidupan ini, serta memadamkan titik-titik kejahilan dan kebodohan satu demi satu. Ayat-ayat suci al-Quran dan pendidikan Islam, mengajak seluruhnya kepada pengenalan dan pertumbuhan makrifah. Dan tanggungjawab ini adalah untuk semua.

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* bersabda:

طَلَبُ العلمِ فَريضةٌ على كلِّ مُسلمٍ و مُسلمةٍ.

"*Menuntut ilmu wajib ke atas orang Islam lelaki dan wanita (muslim dan muslimah)*".

Masyarakat dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama orang yang berilmu dan bijaksana, kedua pelajar dan pencari ilmu, ketiga orang jahil dan mereka yang langsung tidak berusaha untuk mencari pengenalan dan ilmu pengetahuan, serta mereka juga tidak berhubung dan mempunyai hubungan dengan orang-orang alim (berilmu), dan jauh daripada kitab dan bacaan. Golongan ini dari pandangan pendidikan Islam akan menemui jalan kehancuran .

Imam Ali *'Alaihissalam* :

أُغدُ عالماً اَو مُتَعلِّماً، ولا تكُنِ الثالثَ فَتَعطَبَ.

"*Sama ada menjadi orang berilmu (terpelajar dan menjadi bijak), atau menjadi pencari ilmu (penuntut ilmu dan pengetahuan) dan jangan menjadi selain daripada keduanya yang akan menyebabkan kehancuran*".

Sebelum memulakan setiap langkah dan amalan, dan dalam semua aspek, haruslah mempunyai keperluan (untuk mencari) ilmu dan pengetahuan, dan kerja-kerja yang dilakukan tanpa kajian dan pengenalan tidak akan menemui kejayaan dan mendapat hasil.

Imam Sadiq *'Alaihissalam* :

العاملُ على غَير بَصيرةٍ كالسّائرِ على غَيرِ طَريقٍ، فَلا تَزيدُه سُرعةُ السَّيرِ الاّ بُعداً.

"*Barangsiapa yang beramal tanpa basirah (pengetahuan dan ilmu), sepertimana orang yang tidak berjalan di jalan yang benar, maka semakin laju dia bergerak, semakin jauh dia daripada tujuannya*".

47. UKURAN NILAI SEORANG INSAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

قال رسولُ اللّه(ص): مَن استَذَلَّ مؤمناً اَو حَقَّرَه لِفَقرِه، او قِلَّةِ ذاتِ يَدِه، شَهَرَه اللّه يَومَ القيامةِ، ثمّ يَفضَحُه.

"*Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda: Barangsiapa yang menghina seorang Mukmin atau memandang rendah dirinya kerana kefakiran dan kemiskinan, Allah Subhanahu Wa Taala akan menjadikannya terkenal (kerana kejahatannya) pada hari kiamat, kemudian akan menghinanya".*

Di dalam ajaran Ilahiah Imam *'Alaihissalam* kemuliaan adalah milik (semua) insan dan kemanusiaan, dan tidak ada sesuatu yang lain yang dapat memberi kesan walaupun sedikit kepada sistem penilaian ini. Kekayaan, kemiskinan, maqam (kedudukan), kekuatan politik, ketenteraan, ekonomi, warna kulit, bangsa, keluarga, dan sebagainya tidak akan menyebabkan nilai kemuliaan itu hilang (daripada seseorang) walaupun sedikit. Oleh itu, seorang pekerja biasa yang pada zahirnya berada pada kedudukan yang paling rendah dengan seorang majikan dan pemilik perniagaan, pemilikan tanah dan petani, panglima dan yang berada di bawah penguasaannya, golongan hakim dan pemimpin negara dan rakyat jelata biasa adalah sama.

Penghuni istana (rumah mewah) dan pemakai emas tidak sedikit pun ada sebarang kelebihan ke atas penghuni pondok (rumah kecil), orang yang berpakaian buruk dan berkaki ayam (tidak berkasut). Tanggapan dan pandangan Islam yang sebegini berkenaan manusia, telah membezakan sistem ekonomi Islam dan Radhawi *'Alaihissalam* daripada sistem kapitalisme yang berpaksikan kekayaan. Dalam masyarakat dan sistem kapitalisme, tanggapan manusia terhadap seseorang manusia bukan dari segi nilai-nilai maknawi dan kemanusiaan, bahkan manusia melihat seseorang manusia dari segi kekayaan, pengeluaran dan faedah, sebagai natijahnya manusia digambarkan sebagai sebuah alat, dan berubah menjadi kebendaan (objek), dan hubungan kemasyarakatan insaniah berpaksikan kepada kebendaan dan sebagai sebuah alat untuk menjauhkan manusia daripada peribadi kemanusiaan, serta akhlak, maknawiyah dan nila-nilai tinggi maknawi dalam hubungan manusia tidak dapat dilihat. Ini berlawanan dan bertentangan dengan pandangan dan ukuran di dalam masyarakat Radhawi dan sistem Islamik yang telah ditunjukkan oleh Imam agung kepada manusia. Di dalam sistem Radhawi, manusia dilihat sebagai unsur kewujudan Ilahi dan satu unsur ketuhanan yang mana undang-undang ketinggian dan kelebihan akhlak serta mengandungi roh Ilahi dan kekal selamanya. Hubungan dengan manusia dan penghargaan kepadanya adalah hubun-

gan dengan Yang Maha Pencipta dan penghargaan terhadap ketuhanan.

Imam Ali *'Alaihissalam* :

مَن اَتى غَنيّاً فَتَواضَع لَه لغِناهُ، ذَهَبَ ثُلُثا دينِه.

"*Barangsiapa yang pergi ke sisi seorang kaya dan merendahkan diri dihadapannya kerana kekayaannya, maka hilang satu pertiga daripada agamanya*".

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* dan para Imamnya *'Alaihimussalam* mengamalkan perlakuan sebegini, mereka melihat semua manusia dengan pandangan yang sama rata. Peristiwa yang berlaku pada permulaan Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* masuk ke Madinah adalah salah satu daripada ribuan contoh daripada sirah kemanusiaan dan Ilahiah Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih*. Tafsiran cerita tersebut telah dibawakan oleh 'Allamah Majlisi di dalam Kitab Bihar Al-Anwar:

Apabila Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* telah sampai berhampiran Madinah, orang ramai bergantung pada tambatan unta (dan setiap seorang berkata : datanglah ke sisi kami!) Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* bersabda :

"*wahai manusia, lepaskan unta tersebut sesungguhnya dia adalah petugas, aku akan datang ke sisi barangsiapa yang mana unta itu duduk di hadapan rumahnya"*

Mereka melepaskan tambatan unta, unta tersebut bergerak sehingga sampai ke negeri Madinah dan berbaring di hadapan pintu rumah Abu Ayyub Ansari. Pada ketika itu di Madinah tidak ada orang yang lebih fakir daripadanya. Dan hati-hati tenggelam dalam penyesalan akan kejauhan dengan Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih*.

48. MENYAYANGI MANUSIA

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

التَّودُّد الى الناسِ نِصفُ العَقلِ.

"*Menyayangi manusia adalah setengah daripada akal dan kebijaksanaan*".

1. Manusia yang berakal memahami bahawa manusia-manusia yang lain adalah merupakan anggota masyarakat yang mana mereka adalah merupakan asas kehidupan dan penyebab kepada keamanan roh dan jasad manusia, dan setiap daripada mereka dengan metod, kepakaran,

pengkhususan dan pekerjaan yang mereka miliki, memenuhi sebahagian daripada keperluan-keperluan masyarakat (dan daripadanya) keperluan orang itu sendiri. Dan setiap siang dan malam, seseorang manusia memerlukan kepada seseorang atau beberapa orang yang lain daripada mereka. Ini adalah perkara yang boleh difahami oleh akal.

Akal juga dapat memahami bahawa mengambil manfaat daripada hasil usaha orang lain dibolehkan sekiranya ianya terjadi dengan cara persahabatan, kasih sayang dan kecintaan, dan bukan dengan cara kekejaman, permusuhan, ketidakserasian dan pertengkaran. Oleh itu, orang yang berakal mendapat bantuan dan pekerjaan daripada orang lain melalui jalan persahabatan.

2. Akal mendapati bahawa semua orang jika memilih cara persahabatan dalam hubungan kemasyarakatan, natijah atau hasil daripada cara ini akan kembali kepada mereka sendiri; ini kerana kepada siapa sahaja mereka bersahabat, orang itu juga akan bersahabat, oleh itu, cara ini menjadi menyeluruh (awam) dan bersifat umum, dan menjadi satu sifat, asas, kelakuan, cara dan akhlak masyarakat.

3. Penyebaran setiap sifat dan adat di dalam masyarakat memerlukan kepada pendidikan dan pembentukan budaya, dan cara terbaik bagi pendidikan akhlak-akhlak baik seseorang manusia dalam masyarakat adalah amalan manusia-manusia itu sendiri. Amalan orang-orang yang baik dan soleh adalah sekolah pembentukan manusia, tarbiyah dan akhlak yang terbaik. Manusia dengan amal pekerjaan yang dia sendiri lakukan, mengajar kerja-kerja yang baik dan kemanusiaan kepada orang lain, tanpa dia sedari.

Imam Sadiq *'Alaihissalam* :

كُونوا دُعاةَ الناسِ بِاَعمالِكُم، و لا تَكونُوا دُعاةً بِاَلسِنَتِكم.

"*Serulah manusia (ke arah kebenaran) dengan amalan kamu, bukan dengan lidah-lidah kamu*".

Perbuatan lebih menjuruskan kepada pekerjaan dan lebih dapat mendidik daripada pertuturan (hanya pandai bercakap), khususnya pada remaja-remaja, yang mana mereka menolak dan enggan mendengar kebanyakkan daripada nasihat-nasihat (lebih-lebih lagi jika tanpa perhitungan) , namun mereka belajar daripada pekerjaan dan amalan orang-orang yang baik dan soleh, dan memberi kesan kepada mereka.

Imam Ali *'Alaihissalam* :

انّ الوعظَ الّذى لا يَمُجُّه سَمعُ، ولا يَعدِلُه نَفعُ، ما سَكَتَ عنه لِسانُ القَولِ و نَطَق به لِسانُ الفِعلِ... .

"*Sesungguhnya nasihat yang tidak ditolak oleh telinga, dan yang tiada manfaat yang dapat dibandingkan dengannya adalah nasihat yang lidah pertuturan berdiam dan lidah perbuatan yang berkata-kata*..."

4. Akal sebagai anugerah Ilahi yang paling berharga dan terhormat, tidak menyeru selain daripada kebaikan, dan semua keburukan-keburukan dan perlakuan-perlakuan keji manusia timbul daripada hawa nafsu dan kebodohannya. Maka, setiap pekerjaan baik, berunsur kemanusiaan dan kecenderungan kepada kebaikan berasal daripada akal yang berhemah, kebijaksanaan juga merupakan asas kepada persahabatan dan kasih sayang, manakala permusuhan, dendam dan kekejaman berunsurkan syaitan dan hawa nafsu yang mana ianya berasal daripada kejahilan dan kebodohan manusia.

5. Asas penciptaan adalah daripada persabahatan dan kasih sayang, dan rangka asas pendidikan para utusan Ilahi adalah menyebarkan persahabatan dan kasih sayang pada segenap masyarakat serta dikalangan semua manusia. Kasih sayang telah dikira sebahagian kepercayaan agama:

و هَلِ الدينُ الاّ الحبُّ... الدينُ هو الحبُّ والحبُّ هو الدين

"*Adakah terdapat agama selain kasih sayang...agama adalah kasih sayang dan kasih sayang itu juga adalah agama*".

Hubungan kasih sayang dengan manusia memiliki natijah dan hasil tarbiyah dan kebudayaan serta merupakan asas pertumbuhan dan kemajuan ilmu dan akhlak. Ini kerana manusia dengan pergaulan yang berasaskan kasih sayang, dapat mengambil manfaat daripada kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan orang lain, dan memikul sumbangan ilmu-ilmu orang lain ke dalam hidupnya. Oleh itu, sepertimana kasih sayang dan persahabatan dengan manusia adalah daripada kesan akal dan kebijaksanaan, akal juga tumbuh dalam perhubungan kasih sayang dan persahabatan.

Imam Baqir *'Alaihissalam* :

مُلاقاة الاخوانِ... تَلقيحُ العَقلِ...

"*Pertemuan dengan saudara-saudara...sumber perkembangan akal (minda)...*".

Inilah yang mereka katakan setiap negara, bangsa, tamadun dan budaya hendaklah mempunyai hubungan persahabatan antara satu sama lain, untuk mengambil manfaat daripada ilmu pengetahuan, penemuan-penemuan ilmu, reka cipta, undang-undang, adab dan adat mereka yang maju, dan menggantikan kekurangan-kekurangan sendiri. Ini semua hanya muncul dalam bentuk persahabatan dan bukan dengan permusuhan, kekejaman dan dendam.

49. HAK UNGGUL SEORANG IBU

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

و اَعلَم اَنَّ حَقَّ الأمِّ الَزَمُ الحقُّوقِ و اَوجَبُ، لانَّها حَمَلت حَيثُ لا يَحمِلُ اَحد احداً، و وَقَت بالسَّمِع و البَصرِ و جَميعِ الجَوارِحِ، مَسرورَةً مُستبشِرةً بذلك، فَحَمَلَته بمافيه من المكروهِ الّذى لا يَصبر عليه اَحدُ، و رَضِيَت بِاَن تَجوعَ و يَشبَعَ، و تَظمَأ و يَروَى ، و تَعرى و يَكتَسِى، و تُظلُّه و تَضحى، فَليَكُنِ الشُّكرُ لَها، و البِرُّ والرِّفقُ بها على قدرِ ذلك، و اِن كنتُم لا تُطيقونَ بِاَدنى حَقِّها الاّ بِعَونِ اللّه.

"*Ketahuilah bahawa hak seorang ibu adalah hak yang paling wajib dan paling perlu, ini kerana ibu menanggung kesusahan atas kehamilan dirinya ketika mana tidak ada seseorang yang mampu bersabar menanggungnya, serta melindungi anak dengan mata, telinga dan seluruh anggota badannya dengan kepuasan dan kegembiraan. Dia menjaga anak dengan semua masalah yang tidak mampu diterima oleh sesiapa. Ibu dengan kepuasan dan sukacita berlapar supaya anaknya kenyang, menanggung dahaga untuk menghilangkan dahaga anaknya, dia tidak berpakaian dan memakaikan anaknya dengan pakaian, dia meletakkan anaknya di tempat yang teduh, namun diri sendiri terbakar di bawah sinaran mentari. (Oleh itu) perlu berterima kasih, berbuat baik dan berlembut kepada ibu sesuai dengan pengorbanan-pengorbanannya. Walaupun sesungguhnya kamu tidak mampu untuk menunaikan hak yang paling kecil seorang ibu kecuali dengan pertolongan Allah*".

Dalam kata-kata Imam *'Alaihissalam*, perkataan : "paling perlu" dan "paling wajib" telah digunakan berkenaan hak-hak Ibu, dan ini menunjukkan akan ketinggian hak seorang ibu. Apabila dikaji semula hadis-hadis lain daripada Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih* dan para Imam *'Alaihimussalam*, ketinggian hak ibu ini akan menjadi jelas. Sebagai contoh dilampirkan di sini hanya sebuah hadis.

Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Aalih* – yang telah diriwayatkan oleh Imam Sadiq *'Alaihissalam*:

جاءَ رجلُ الى النبيّ(ص)، فقال: يا رسول اللّه! مَن اَبَرُّ؟ قال: اُمَّك. قال: ثمَّ مَن؟ قال: اُمَّك. قال: ثمَّ مَن؟ قال: اُمَّكَ. قال: ثمَّ مَن؟ قال(ص): اَباك.

''*Seorang lelaki telah datang ke sisi Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih dan berkata : Wahai Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih! Kepada siapakah aku perlu berbuat baik? Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda : kepada ibumu, dia berkata semula : kemudian kepada siapa? Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda : kepada ibumu, dia berkata lagi : kemudian siapa? Rasul Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda : ibumu. Lelaki itu berkata : lagi kepada siapa? Rasul Sallallahu 'Alaihi Wa Aalih bersabda : kepada ayahmu*''.

'Allamah Majlisi r.a. berkata : "Dengan hadis ini telah dibuktikan bahawa 43 kebaikan-kebaikan adalah milik ibu. Mereka juga berkata bahawa kata-kata ini adalah sebagai mubalaghah (membesar-besarkan atau berlebih-lebihan) dalam berbuat baik kepada ibu. Sebab ketinggian kebaikan yang dimiliki seorang ibu adalah jelas; ini kerana dia lebih berusaha dan bersusah payah dibanding daripada seorang ayah untuk anak-anak. Ayat-ayat surah Luqman juga menjelaskan perkara yang sama".

50. MEMIKIRKAN MASA HADAPAN

Imam Ridha *'Alaihissalam* :

ما أحسنَ الصَبر وانتظارُ الفَرَج

"*Betapa baik kesabaran dan menunggu kemenangan (dan kesejahteraan dalam pekerjaan manusia)...".*

Kehidupan manusia pada era sekarang mempunyai kaitan dengan masa hadapan dan penghujung (akibat) kerja umat manusia, yang mana masa hadapan yang gelap dan tidak pasti boleh menyebabkan pergerakan manusia pada masa sekarang menjadi tanpa tujuan, kosong daripada impian dan bergelendangan, serta menghilangkan tanda-tanda tempat tujuan pergerakan manusia.

Masa hadapan yang tidak berperikemanusiaan dan sistem pemerintahan yang mementingkan sendiri (raja-raja) serta mereka yang emas di tangan mereka (orang-orang kaya) juga adalah penyebab kekecewaan dan bersikap

pesismis (kecenderungan memikirkan sesuatu yang buruk) manusia-manusia pada masa sekarang, ini kerana jika manusia selepas (melihat) semua kesukaran, penderitaan dalam diam, kerja keras yang sengsara, serta kesusahan dan kepayahan yang mengorbankan nyawa di sepanjang sejarah, akhirnya melangkah ke zaman yang diperintah oleh emas dan wang ringgit (orang kaya) serta kedaulatan mereka yang memiliki kuasa, dan di dalamnya juga tiada berita akan nilai murni, kemanusiaan dan hak-hak, lalu bagaimana hati ingin berasa gembira pada masa hadapan, dan memiliki pandangan baik dan positif serta menyimpan harapan?.

Oleh itu, bagi menggambarkan masa hadapan yang cerah dan impian sebuah negara kemanusiaan, serta penamat yang penuh bercahaya, dilimpahi dengan nilai-nilai kemanusiaan, Permulaannya perlu dijelaskan (terlebih dahulu) akan tempat dan kedudukan manusia serta keagungan kemanusiaan, dan pelan (rancangan) hidup perlu dikemukakan di mana di dalamnya manusia menemui semula permata keagungan yang telah hilang dari tangannya, dan tujuan-tujuan pengganti (salah), serta kekejian dan sifat tidak berperikemanusiaan tidak (diberi ruang untuk) mengambil tempat tujuan-tujuan asal dan kemanusiaan, dan semua perangkap dan rangkaian-rangkaian yang kompleks perlu diangkat daripada perjalanan manusia, dan (ketika itu) manusia dapat merasai kebebasan sebenar dalam hidupnya, dan semua ikatan dan rantai dibuka daripada tangan dan kaki manusia, seperti tafsiran Al-Quran, manusia bebas daripada semua "اصْر و أغلال" tanggungan berat dan rantai atau belenggu yang telah terikat padanya. (faktor) Impian sebegini di sepanjang sejarah, adalah kehilangan sebenar manusia dan sehingga sekarang juga masih belum ditemui.

Penyelamat akhir zaman dan penamat sejarah adalah orang yang mampu merealisasikan impian-impian besar dan kemanusiaan sebegini, dan seperti semua para Rasul, mereka memperkenalkan dan mempertemukan semula keunggulan dan hak-hak manusia, dan membawa semua asas-asas impian besar ini, serta menghilangkan semua penghalang daripada perjalanan manusia, dan merealisasikannya dalam kehidupan yang dapat dilihat di serata dunia tanpa pengecualian dan diskriminasi.

Memikirkan masa hadapan, mempunyai kedudukan yang istimewa dalam ajaran Imam Ridha *'Alaihissalam*, dan masa hadapan sejarah telah dilihat dengan pandangan yang positif dan kemanusiaan. Masa hadapan yang dilimpahi dengan keadilan, menentang penindasan, hak-hak dan keunggulan kemanusiaan yang mana manusia dapat mencapai keselamatan dan kemudahan yang tiada tandingan, dan mengakhiri semua kesusahan, kejahilan, kefakiran, kebimbangan, ketakutan, kekurangan, perampasan hak, peperangan dan pertumpahan darah, dan syurga yang dijanjikan muncul dalam kehidupan ini. Manusia akhirnya dapat membina diri dan menyembah Tuhan tanpa rasa

takut, dan membentuk kehidupan berdasarkan kelayakan dan nilai kemanusian.

Ciri-ciri pendidikan Imam agung Hadrat Imam Ridha *'Alaihissalam* dalam perkara ini adalah untuk menghidupkan harapan bagi masa hadapan manusia dalam pemikiran daripada sekarang, serta melemparkan sinaran cahaya harapan dan penantian di dalam hati-hati mereka, dan mulai dari sekarang membuatkan manusia menunggu dan memandang pada jalannya, supaya ketika zaman kemuncak kehitaman (kejahatan) dan penindasan, mereka tidak kehilangan optimistik (pandangan yang baik) dan harapan, dan mampu berdiri teguh dan kukuh dalam berhadapan dengan semua huru-hara (kekacauan), dan melindungi nilai-nilai dengan menjadikan diri sendiri sebagai anggota pertahanan masyarakat manusia.

Imam Ridha *'Alaihissalam* mengucapkan ucapan ini mengenai pemimpin penyelamat.

> "*Tuhanku! Sampaikan dia pada harapan-harapan yang terbaik, yang mana telah Engkau sampaikan kepada para pengikut Rasul-rasulMu (yang merupakan pengamal keadilan di dunia), Tuhanku!.. Matikanlah penindasan ditangannya, dan tampakkanlah keadilan dengannya, dan suburkanlah bumi dengan umur panjangnya ...dan jadikanlah Timur dan Barat dunia di bawah ikhtiarnya (penguasaannya).. supaya tidak ada walau satu zarahpun daripada hak (kebenaran) tersembunyi disebabkan takut akan seseorang daripada manusia.. sehingga di bawah sinaran keadilannya, kegelapan para penindas dibersihkan, dan lidah-lidah kekufuran dan tanpa agama dipadamkan.*"

Allahumma Solli A'la Muhammad
Wa'ala Aalihi Muhammad